


Jilid II
Bil. 3



Hari Rabu
11hb April, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 275]

USUL-USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada Kebawah D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 314]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 315]**

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,
B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH,
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (P) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.
(Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M.
(Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN
(Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- ” DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM @ HASNAH FATIMAH BINTI
HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K.
(Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)

- Yang Berhormat TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG SENG CHOW, D.K.J.B., A.M.N., J.P. (Negri Sembilan)
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO ISU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahamad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 11hb April, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**ROMBONGAN PERDAGANGAN
KANADA/AMERIKA SYARIKAT/
PERANCHIS/SWITZERLAND**

1. **Tuan Loo Swee Mok** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan rombongan pengusahawan yang telah melawat negara ini dari Kanada, Amerika Syarikat, Peranchis dan Switzerland selepas Perdana Menteri melawat negara-negara tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah Rombongan Perdagangan dan Pelaburan yang mengunjungi Malaysia selepas lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat, Kanada, Peranchis dan Switzerland.

Dari Amerika Syarikat

Satu rombongan "People to People Trade and Investment Mission" yang mengandungi 14 orang ahli bank telah melawat Malaysia pada 14hb Mac, 1984. Rombongan ini bertujuan untuk mengkaji polisi dan iklim pelaburan di Malaysia.

Dari Kanada

Dua rombongan perdagangan telah

mengunjungi Malaysia iaitu rombongan perdagangan dari Wilayah British Columbia dan Wilayah Alberta, Kanada, kedua-duanya pada bulan Februari, 1984.

Rombongan Perdagangan dari Wilayah British Columbia terdiri dari 3 orang pengusahawan manakala Rombongan dari Wilayah Alberta mengandungi 6 orang pengusahawan. Tujuan rombongan tersebut adalah untuk meningkat perdagangan dua hala dan mengkaji kemungkinan pemindahan teknologi serta mengadakan pelaburan usahasama dengan Malaysia.

Satu Seminar bertajuk "Peluang-peluang Pasaran di Kanada" telah diadakan di Kuala Lumpur pada 28 - 29hb Februari, 1984 dan disertai oleh 8 orang peniaga-peniaga Kanada yang berminat untuk berdagang dengan Malaysia.

Dari Peranchis

Satu rombongan perdagangan dari Peranchis yang dianggotai oleh 20 orang peniaga Peranchis telah melawat Malaysia dari 16 - 20hb Februari, 1984. Rombongan tersebut bertujuan untuk meningkatkan perdagangan duahala dan mengadakan pelaburan usahasama di Malaysia.

Dari Switzerland

Tiada rombongan perdagangan yang kita terima dari Switzerland.

Lawatan-lawatan tersebut merupakan lawatan rombongan rasmi ke Malaysia. Walau bagaimanapun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam rangka lawatannya telah

diikuti oleh sebilangan besar peniaga-peniaga Malaysia yang telah mengadakan perundingan dan perbincangan dengan pengusahawan-pengusahawan di negara-negara yang dilawati. Hasil daripada penemuan ini, beberapa orang ahli-ahli perniagaan negara-negara tersebut mungkin telah mengadakan lawatan susulan secara persendirian ke Malaysia yang mana tidak dapat dikesan oleh Kementerian ini. Kementerian saya ingin menegaskan bahawa kekesanan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap peningkatan perdagangan dan pelaburan ke negara-negara yang dilawati tidak boleh dipastikan dalam jangka masa yang pendek dan ianya haruslah dipandang dalam perspektif jangka masa panjang.

Tuan Jaafar bin Harun: Soalan tambahan. Berkaitan dengan lawatan pengusahawan dari 4 buah negara seperti Kanada, Amerika, Perancis dan lain-lain ke negara kita seperti yang diberi tahu tadi, adakah Kerajaan bercadang hendak membalas lawatan itu daripada ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu dari Malaysia ini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, memanglah kita galakkan kalau ada pengusaha-pengusaha Malaysia sendiri mengadakan lawatan ke negara-negara tersebut.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dalam segi dua hala yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi termasuk juga pemindahan teknologi, di sini saya ingin bertanya, sebelum ini Kerajaan berkehendakkan pemindahan teknologi daripada Korea dan Jepun di bawa ke Malaysia ini. Sekarang kita pula pergi ke sebelah Timur, di sana pula kita berkehendakkan begitu juga teknologi. Tidakkah ini bercanggah dengan rancangan yang telah disusun untuk Korea dan Jepun, dibawa pula mereka itu ke sini?

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd, Yassin: Tidak.

KOLAM IKAN AIR TAWAR

2. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah kolam-kolam ikan air tawar yang telah dibina dalam Semenanjung Malaysia ini sehingga sekarang dan nyatakan sama ada hasilnya memuaskan atau sebaliknya dan jika hasil tidak memuaskan apakah langkah-langkah diambil untuk mengatasi.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 15,084 buah kolam ikan air tawar telah dibina meliputi keluasan kawasan sebanyak 2,491 hektar. Hasil dari kolam-kolam besar adalah baik manakala bagi kolam-kolam kecil yang diusahakan secara sampingan, hasilnya kurang memuaskan.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pertanian akan menggalakkan penternak membina kolam-kolam ikan air tawar melebihi 2 hektar jumlah keluasannya dan mengusahakan secara sepenuh masa dan memberi tumpuan ke arah memberi latihan dan perkhidmatan pengembangan yang lebih baik untuk meningkatkan hasil kolam dan memulihkan kolam-kolam terbiar.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan membina kolam-kolam ikan air tawar ini, jenis kolam-kolam kecil antara \$2,000 ke \$3,000 sebuah kolam. Apa yang saya nampak sehingga hari ini terutama sekali di negeri Melaka ada setengah kolam-kolam itu tinggal begitu sahaja tidak ada airnya lagi, bermakna tidak ada memelihara ikan lagi dan setengahnya ada air ikannya tidak ada, kosong sahaja di dalamnya.

Jadi, apakah langkah bagi pihak Kementerian Pertanian untuk

mengatasi masalah kolam-kolam yang terbiar, tertinggal padahal Kerajaan telah berbelanja sekian banyak wang, membazirkan wang Kerajaan.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi saya pun telah mengakui bahawa kolam-kolam kecil yang di usahakan secara sampingan itu rekodnya tidak begitu memuaskan dan mulai dari sekarang Kementerian menggalakkan penternak-penternak yang berminat membina kolam-kolam ikan air tawar melebihi 2 hektar jumlah keluasannya dan penternak-penternak itu diperlukan mengusahakan secara sepenuh masa.

Berkenaan dengan kolam-kolam terbiar Kementerian sekarang merancang menutup yang tidak boleh diteruskan atau memberi kepada penternak-penternak baru yang berminat.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya sama dengan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil tadi iaitu kolam-kolam terbiar yang menggunakan belanja dari Kerajaan \$2,000, \$3,000 sebuah kolam. Kolam-kolam yang terbiar ini adakah Kementerian Pertanian bercadang untuk menggantikannya dengan membiak kerana setahu saya belut ini mendapat pasaran yang baik di negeri Jepun.

Dr. Goh Cheng Teik: Kementerian memang menggalakkan sekiranya ada minat (*Ketawa*).

ISU ANTARTIKA – KEMAJUAN DICAPAI

3. **Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Luar Negeri memandangkan bahawa Malaysia dijadikan penganjur isu Antartika untuk menyatakan kemajuan yang telah dicapai dalam perkara ini.

Menteri Luar Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, semenjak kita mengutarakan soal Antartika pada tahun 1983 kita telah mencapai kejayaan dan mendapat sokongan terutamanya dari suara-suara di Persidangan Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (Non-aligned Conference) di New Delhi baru-baru ini dengan sebulat suara di atas cadangan supaya suatu kajian yang menyeluruh mengenai Benua Antartika disediakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di dalam Sesi yang Ke 38 ini. Kajian ini hendaklah disediakan dengan mengambil kira semua faktor yang berkaitan dengan tujuan untuk meluaskan kerjasama antarabangsa di kawasan tersebut.

Jadi, susulan dari ini, Malaysia bersama-sama dengan beberapa negara lain telah berjaya mendapatkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bersetuju tanpa sebarang pengundian untuk memasukkan isu tersebut sebagai satu perkara di dalam agenda Persidangan Ke 38 di PBB dan selepas berunding dan sesudahnya kita lobi melobi dan sebagainya dengan intensif, sukacita saya memaklumkan bahawa draf resolusi mengenai Antartika yang dianjurkan oleh Malaysia dan kalau tidak salah kira-kira 11 negara lain telah diterima tanpa undi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Resolusi ini meminta Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu menyediakan satu kajian yang menyeluruh factual dan objektif mengenai semua pihak Antartika. Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu juga diminta untuk membentangkan laporan kajiannya pada Sesi yang Ke 39 di PBB iaitu pada tahun ini.

Pada hari ini, tersiar di akhbar bahawa Kerajaan Chile mengambil tindakan untuk meletakkan suatu kumpulan orang di Antartika supaya dia dapat menuntut hak di sana. Perkara beginilah yang Malaysia tidak mahu iaitu tuntutan yang tidak tentu

arah yang boleh mengancam keselamatan dunia. Kita serahkan perkara ini kepada Setiausaha Agung PBB pada hari ini.

SEKOLAH-SEKOLAH YANG BURUK – MEMPERBAIKI

4. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak lagi bilangan sekolah-sekolah di seluruh negara yang dalam keadaan lama dan buruk dan tidak menyenangkan; jika sedar, nyatakan sama ada Kerajaan akan mengambil langkah untuk memperbaikinya.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar akan masalah sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, oleh itu dalam Rancangan Malaysia Keempat misalnya, Kerajaan telah dan sedang membina bangunan gantian bagi sekolah-sekolah yang keadaannya didapati buruk dan membahayakan.

Walau bagaimanapun, pembinaan projek-projek tersebut terpaksa dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan, terutama yang melibatkan keselamatan murid-murid dan jumlah kewangan yang dapat diperuntukkan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dalam rancangan apakah yang Berhormat supaya dapat dijawab, baru-baru ini kita baca dalam suratkhbar iaitu berhubung dengan Sekolah St. Mary umpamanya di Kuala Lumpur di mana keadaan di sekelilingnya yang didakwa oleh Guru Besar itu sendiri mengatakan terlalu bising kerana pembinaan-pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi di sekeliling sekolah itu. Dengan keadaan itu keadaan murid-murid tergendala dalam pelajaran.

Oleh itu, saya ingin bertanya dalam keadaan Kuala Lumpur ini seumpama Sekolah St. Mary dan sebagainya adakah pihak Kementerian Pelajaran untuk mengalih ataupun mencari jalan supaya perkara-perkara pembangunan di sekeliling tidak dapat mengganggu murid-murid sekolah pada masa yang akan datang.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan yang begitu pesat di bandaraya Kuala Lumpur ini susahlah kita hendak mengalih sekolah-sekolah dari satu tempat ke satu tempat oleh kerana bising ini kerana kita mempunyai kawasan hanya 94 batu persegi sahaja.

JURURAWAT/BIDAN – PERATURAN KERJA MALAM

5. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan meyelaraskan peraturan kerja malam empat (4) hari sahaja bagi semua jururawat/bidan yang bertugas di Hospital-hospital Besar/Daerah Semenanjung Malaysia memandangkan bahawa tugas mereka adalah berat, dari pukul 9.00 malam hingga 7.00 pagi, selama 10 jam sehari.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sedang mengkaji peraturan tugas malam bagi semua kakitangan yang terlibat, termasuk kakitangan kejururawatan di mana peraturan kerja malam akan dikurangkan kepada tempoh masa yang lebih sesuai dengan mengambil kira bilangan kakitangan yang sedia ada. Perkara ini perlu dibuat kajian teliti dan mendalam supaya tidak menjejaskan perkhidmatan di giliran pagi dan petang.

Di samping itu implikasi-implikasi lain, seperti penambahan kakitangan yang perlu diambil dan juga kos

tambahan yang terlibat, serta peraturan-peraturan cuti perlu dikaji terlebih dahulu.

**PENGANUGERAHAN
OLAHRAGAWAN/
OLAHRAGAWATI KEBANGSAAN
-TAJAJAN**

6. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapakah pada tahun ini upacara penganugerahan Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan ditajakan oleh sebuah syarikat rokok, walhal ini bercanggah dengan arahan dan hasrat Kerajaan

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, upacara penganugerahan Olahragawan/Olahragawati Kebangsaan 1983 yang dikelola oleh Majlis Sukan Negara sebenarnya tidak ditaja oleh sebuah syarikat rokok. Majlis sukan negara sebenarnya mendapat kerjasama dan derma daripada Persatuan Sukan Kebangsaan, syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Semua derma tidaklah dipungut khusus untuk upacara ini tetapi untuk Kumpulan Wang Sukan Negara yang menjadi sumber kewangan Majlis ini.

Walaupun demikian, saya suka menegaskan bahawa tidak terdapat sebarang aspek penggalakan merokok dalam mana-mana upacara penganugerahan ini.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Kesihatan menyatakan jumlah yang dapat dipungut daripada penderma-penderma dan daripadanya berapakah yang datangnya daripada syarikat-syarikat rokok.

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya bukan Kementerian Kesihatan tetapi

saya mahu meminta notis dari Ahli Yang Berhormat.

**BANJIR DI SELURUH NEGARA -
LANGKAH MENGATASI**

7. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi keadaan banjir di seluruh negara, memandangkan keadaan banjir bagi tahun ini begitu buruk sekali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Ahmad Badawi): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat beberapa kajian mengenai masalah banjir dan kajian-kajian ini telah dijalankan sejak awal tahun 1970an lagi. Berdasarkan hasil kajian-kajian tersebut langkah-langkah untuk mengatasi masalah banjir dan mengurangkan kesan-kesan banjir telah dijalankan dengan membina empangan-empangan serba guna (multi purpose) seperti Empangan Temenggor di negeri Trengganu, Empangan Machap di Johor, Empangan Kenyir di negeri Perak dan sebagainya.

Di samping itu di kawasan-kawasan pertanian yang tertentu projek saluran telah dan sedang dilaksanakan dengan tujuan menyediakan kemudahan pamaritan disamping mengurangkan banjir di kawasan tersebut.

Di dalam Rancangan Malaysia Keempat, 42 projek saluran sedang dilaksanakan. Ini adalah termasuk beberapa buah projek raksaksa seperti Projek pembangunan Pertanian Johor Barat dan Projek Asiajaya di Sarawak. Di kawasan-kawasan bandar pula beberapa buah projek pamaritan sedang dilaksanakan dengan tujuan bukan sahaja menyediakan kemudahan pamaritan bahkan juga untuk mengurangkan banjir. Ini termasuk projek pamaritan di Kota Bharu dan projek pamaritan di Kuala Lumpur.

Di setengah-setengah tempat pula langkah-langkah kejuruteraan seperti yang tersebut tadi tidak dapat

mengurangkan banjir dengan berkesan. Dalam keadaan demikian, penduduk-penduduk yang terlibat perlu dipindahkan ke kawasan-kawasan yang selamat.

Di samping itu satu jentera pengawalan bantuan bencana banjir telah ditubuhkan sejak beberapa tahun dahulu. Tugas-tugas yang dijalankan akan pengendalian jentera ini termasuk ramalan dan amaran banjir, pemindahan penduduk-penduduk yang terlibat ke pusat-pusat pemindahan mangsa banjir semasa berlaku banjir dan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir.

Seperti yang termaklum banyak kawasan bandar, kawasan kampung dan kawasan pertanian di negara ini adalah terletak di tempat-tempat yang berdekatan dengan sungai dan lembah sungai dan sebahagian yang agak besar daripada kawasan-kawasan tersebut adalah terdedah kepada risiko banjir. Dengan itu program pengurangan banjir adalah agak luas dan akan memakan perbelanjaan yang agak besar untuk melaksanakannya.

Memandangkan keadaan ini projek-projek pengurangan banjir dan projek-projek pamaritan adalah perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan sejajar dengan kemampuan kewangan negara.

DASAR PERSYARIKATAN MALAYSIA

8. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa dasar Persyarikatan Malaysia dan Slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" ini hanya difahami oleh Ketua-ketua Jabatan tetapi tidak sampai ke peringkat yang paling rendah seperti Kerani-kerani dan Pembantu-pembantu Pejabat; jika sedar apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua, dasar Persyarikatan Malaysia dan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" sudah dikenali dan dipakai dengan begitu meluas oleh orang Malaysia kerana itu tidaklah wajar kalau dikatakan bahawa hanya Ketua-ketua Jabatan dan ajensi-ajensi Kerajaan sahaja memahaminya sedangkan pegawai-pegawai rendah seperti Kerani dan Pembantu Pejabat tidak faham.

Walau bagaimanapun, pemahaman secara mendalam tentang dasar dan konsep itu memang boleh berbeza antara Ketua Pejabat, pegawai-pegawai tinggi, pegawai rendah dan masyarakat umum. Pemahaman sesuatu dasar atau konsep secara mendalam adalah antara lain ditentukan oleh tingkat pelajaran dan kesedaran seseorang itu.

Untuk menambahkan lagi pemahaman itu, Ketua Jabatan sentiasa berusaha untuk memberi ceramah dan taklimat kepada pegawai tinggi dan rendah di bawah penguasaannya untuk menerangkan dasar dan konsep ini. Perkara itu juga selalu menjadi bahan ujian dan pertanyaan dalam temuduga-temuduga naik pangkat atau pemilihan bagi jawatan-jawatan tertentu dalam Kerajaan.

Oleh itu pegawai-pegawai baik yang tinggi mahupun yang rendah adalah perlu memahaminya untuk kepentingan kerjanya yang juga kemajuan kerjayanya.

MENGHISAP ROKOK – LARANGAN DI PEJABAT- PEJABAT KERAJAAN

9. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesannya surat pekeliling kabinet yang dikeluarkan pada bulan September 1982 berkenaan dengan larangan menghisap rokok di pejabat-pejabat Kerajaan dan di upacara-upacara anjuran Kerajaan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan yang di-Pertua, semenjak surat Pekeliling Am Bil. 12/1982 dikeluarkan amalan menghisap rokok di tempat-tempat yang dilarang di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan dan orang awam yang berurusan dengan Jabatan Kerajaan telah mendatangkan kesan yang baik. Tidak ada pegawai-pegawai yang merokok semasa bertugas di kaunter, di bilik mesyuarat dan semasa menjalankan tugas-tugas di luar pejabat ataupun di majlis-majlis upacara rasmi.

Di kalangan orang awam pula mereka tidak merokok apabila berurusan dengan jabatan-jabatan Kerajaan. Tanda-tanda amaran seperti "Di Larang Merokok", "Terima Kasih Kerana Tidak Merokok" diletakkan di jabatan-jabatan Kerajaan sebagai ingatan kepada pegawai-pegawai dan orangramai. Tempat abu rokok juga tidak disediakan.

PITA RAKAMAN PARTI PEMBANGKANG – PENJUALAN/ PENGEDARAN

10. Tuan Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap penjualan/pengedaran pita-pita rakaman ucapan sebahagian daripada ahli parti pembangkang yang memburuk-burukkan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara di dalam dan di luar negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengkaji penjualan dan pengedaran pita rakaman yang mengandungi ucapan sebahagian daripada ahli parti pembangkang yang tidak memberi manfaat kepada rakyat oleh kerana isi kandungan rakaman itu mengandungi ucapan yang memburuk-burukkan Kerajaan dan pemimpin-pemimpin negara di dalam atau di luar negeri. Hasil daripada kajian ini,

Kerajaan sekarang sedang merancang untuk mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang untuk merampas pita-pita rakaman yang keterlaluan jika sekiranya didengar, terutama sekali apabila ada ceramah-ceramah pilihanraya, seorang Menteri misalnya berucap di sebuah bangunan balairaya, rumah di sebelah balairaya membunyikan tape ucapan-ucapan daripada pemimpin-pemimpin pembangkang itu begitu lantang hingga mengganggu orangramai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang yang ada sekarang kita hanya boleh berasaskan tindakan kita kepada Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mana jikalau saya dibenarkan membuat quotation iaitu mana-mana dokumen atau publications, dengan izin, which is prejudicial to the national interest, public order or security of Malaysia.

Jadi, di atas tajuk ini maka Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri boleh digunakan. Walau bagaimanapun Rang Undang-undang yang berkaitan dengan persoalan ini akan dibentangkan di Dewan ini nanti.

KURIKULUM – KEMAJUAN PENERAPAN NILAI ISLAM

11. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Pelajaran menyatakan usaha dan kemajuan penerapan nilai-nilai Islam terhadap kurikulum di sekolah-sekolah sama ada di peringkat menengah ataupun rendah dan juga kepada penuntut-penuntut yang belajar di luar negeri.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, dalam proses penggubalan kurikulum sekolah-sekolah di

Malaysia, nilai-nilai Islam telah dijadikan asas utama. Pada peringkat sekolah-sekolah menengah pula kajian sedang dibuat ke arah pembinaan sebuah sukatan pelajaran yang baru. Pada keseluruhannya Kementerian Pelajaran telah menetapkan beberapa landasan dalam penggubalan dan pelaksanaannya.

Pertama ialah keseimbangan ilmu dan amal iaitu setiap perkara yang diajarkan kepada murid-murid adalah untuk terus diamalkan sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah, meliputi bacaan surah-surah dan ayat-ayat Al-Quran dan amalan-amalan ibadat.

Kedua ialah kesepaduan atau integrasi, iaitu segala perkara yang diajarkan kepada murid-murid di sokong dengan nas-nas daripada Al-Quran dan Hadis yang berkaitan dengannya.

Ketiga ialah penegasan kepada konsep "sirah" iaitu hikmat dan iktibar yang tersirat atau tersembunyi di sebalik peristiwa-peristiwa sejarah.

Keempat ialah kerelevanan, iaitu butiran-butiran yang dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran adalah yang relevan dengan keperluan hidup sebagai individu hamba Allah, sebagai ahli masyarakat dan sebagai warganegara sesebuah negara.

Dengan langkah-langkah ini insya Allah murid-murid Islam bukan sahaja dapat memahami secara lebih mendalam bahkan langsung dapat menghayatinya.

Untuk mengukuhkan lagi apa-apa yang dinyatakan ini, sekolah-sekolah telah mengadakan bilik-bilik ibadat dan surau serta menubuhkan persatuan-persatuan pelajar Islam. Dengan ini pelajar-pelajar dapat melakukan pelbagai aktiviti yang berfaedah seperti mengadakan ceramah dan secara tidak langsung dapat menjadikan nilai-nilai Islam itu dikenali dan difahami oleh pelajar-pelajar bukan Islam.

Nilai Islam adalah nilai sarwajagat (universal) yang tidak bercanggah dengan nilai mana-mana kelompok agama dan budaya. Kementerian Pelajaran telah memasukkan pendidikan moral sebagai satu mata pelajaran sekolah dan ini telahpun dilaksanakan dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah dan akan diperkembangkan serta diteruskan di peringkat sekolah menengah. Melalui mata pelajaran ini yang juga akan disertai dengan aktiviti-aktiviti amali, nilai-nilai "universal" yang sejajar dengan nilai Islam itu akan dapat dihayati oleh murid-murid.

Untuk penuntut-penuntut di luar negeri Kerajaan telah menghantar pegawai-pegawai Agama di beberapa buah Jabatan Penuntut Malaysia di samping mengadakan lawatan dan memberi ceramah dengan penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan termasuk penerapan nilai-nilai Islam.

Ternyata langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dijalankan itu menampakkan kesan yang positif, terutama dalam menanamkan fahaman yang benar mengenai Islam dan kedudukannya dalam kehidupan di negara ini.

UNIT PEMBEDAHAN JANTUNG DI HOSPITAL UNIVERSITI

12. Tuan Alexander Y.L. Lee minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah unit pembedahan jantung di Hospital Universiti dimulakan dan sama ada unit ini telah ditutup dan nyatakan juga sama ada benar setengah pesakit di unit tersebut telah meninggal dunia oleh kerana tidak mendapat rawatan yang sepenuhnya.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang seakan-akan serupa telah dijawab dalam Dewan ini pada 10hb ini iaitu ketika menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

KETENGAH – SEBAB KAKITANGAN MELETAKKAN JAWATAN

13. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan meng-apakah ramai kakitangan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) meletakkan jawatan; dan nyatakan rancangan-rancangan untuk mengatasi dari berlakunya perletakan jawatan sebagaimana yang berlaku sekarang.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab-sebab kakitangan dan pegawai-pegawai tersebut meletakkan jawatan ialah:-

- (a) mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dengan agensi Kerajaan yang lain atau di sektor swasta;
- (b) masalah-masalah peribadi.
- (c) kurangnya sifat-sifat progresif atau penglibatan secara total; dan
- (d) melanjutkan pelajaran atau mendapatkan peluang-peluang yang lain.

Masalah perletakan jawatan di agensi tersebut telah dapat diatasi dengan mengisi semula jawatan-jawatan yang dikosongkan.

Dalam tahun 1983 sejumlah 64 pegawai dan kakitangan telah berhenti daripada perkhidmatan mereka dengan KETENGAH. Sungguhpun demikian KETENGAH telah berjaya mengambil pegawai dan kakitangan baru sejumlah 72 orang dalam tahun 1983 juga bagi menggantikan perletakan jawatan-jawatan tersebut. Baru-baru ini pihak KETENGAH telahpun mengadakan temuduga untuk mengisi jawatan-jawatan yang dikosongkan untuk tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dari jangka panjang Kementerian telah mengambil sikap dan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Bagi menentukan bahawa sikap yang secukupnya hendaklah diwujudkan di kalangan para pegawai dan kakitangan yang akan diambil.
- (ii) Diserapkan ke dalam perkhidmatan teknikal JKR jika sesuatu jawatan itu berupa teknikal; dan
- (iii) Mengadakan program merapatkan hubungan antara kakitangan/pegawai dengan pihak pengurusan.

Akhir sekali KETENGAH telahpun diarah supaya mengadakan infrastruktur atau prasarana yang lebih lengkap bagi pengisian peribadi, kebajikan dan perkhidmatan kakitangan serta para pegawai tersebut.

Puan Hasanah binti Mohd. Kassim Soalan Tambahan. Adakah pihak Menteri yang berkenaan tahu setengah-setengahnya mengatakan bahawa tempat tinggalnya tidak ada dalam keselamatan kerana kalau rumah itu kosong iaitu tempat menumpanginya selalu digelidih oleh pencuri-pencuri yang bekerja di kebun-kebun ataupun di pihak ladang-ladang yang berkenaan dan kemudahan asas seperti air selalu tergendala.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan bulan yang lalu tahun ini, kita telah mengadakan satu pertemuan dengan para kakitangan dan pegawai KETENGAH di Kuala Terengganu, peristiwa-peristiwa seperti yang Ahli Yang Berhormat nyatakan itu juga telah dikemukakan dan pihak KETENGAH serta Kementerian telahpun mengambil tindakan bagi mengatasinya.

PUSAT PENYELUDUPAN ORANG ASING

14. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat manakah sebenarnya dua buah pulau di negeri Selangor dijadikan pusat menyeludup orang-orang asing ke

negara kita ini; jika benar apakah tindakan yang sedang diambil oleh pihak berkuasa.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri masih belum dapat mengenalpasti sama ada benar atau sebaliknya pulau-pulau di negeri Selangor atau mana-mana negeri di Malaysia dijadikan pusat penyeludupan orang-orang asing ke negara ini. Usaha mengesan penyeludupan orang orang asing ke negara ini merupakan satu kegiatan yang sukar terutama di kawasan terpencil atau pendalaman. Walau bagaimanapun, Kerajaan tetap berusaha untuk mengesan dan mengambil tindakan tegas ke atas pendaatang-pendatang haram dan juga mereka yang bersubahat dengan kesalahan ini.

Kerajaan tetap mengesan, menangkap dan menghantar balik warganegara asing sekiranya mereka masuk ke negara ini secara haram tanpa mengira negara asal mereka.

Di samping itu, adalah menjadi tanggungjawab warganegara Malaysia yang taat setia kepada negara ini untuk memberi sebarang maklumat kepada Kerajaan berhubung dengan kegiatan menyeludup orang-orang asing ke negara ini bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang ke atas mereka yang terlibat.

SEKOLAH TAMIL KECIL - PENYATUAN

15. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan apa-apa perkembangan dalam hubungan penyatuan Sekolah-sekolah Tamil yang kecil-kecil di negara ini.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang cukup faham tentang hakikat bahawa sekolah-sekolah kecil, dengan izin, under-enrolled schools adalah kurang menepati matlamat persekolahan kerana telah terbukti mutu prestasinya

tidak berapa memuaskan. Satu kajian menyeluruh ke atas semua sekolah kecil aliran Kebangsaan, Cina dan Tamil telahpun dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran pada tahun 1980 dan dapatan-dapatan dari kajian tersebut sedang dilaksanakan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud.

Langkah yang utama ialah sekolah-sekolah ini termasuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil, seboleholehnya akan dicantum menjadi sekolah yang lebih besar supaya sekurang-kurangnya mencapai norma dan piawai kebangsaan. Tetapi tidak kesemuanya proses percantuman ini dapat dilaksanakan dengan jayanya kerana sebab-sebab yang tertentu, di antaranya ialah gejala sentimen dan masalah sosial yang mengutamakan kepentingan kesukuan. Di mana tidak mungkin, sekolah-sekolah tersebut akan dikekalkan dengan status lama mereka, tetapi akan diberikan peruntukan kewangan yang lebih besar berdasarkan satu formula peruntukan yang khas.

PASARAN SAHAM KOMODITI KUALA LUMPUR (KLCE) - KEKECOHAN

16. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah sebab-sebabnya yang mengakibatkan kekecohan di Pasaran Saham Komoditi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Commodity Exchange - KLCE) dan Kuala Lumpur Commodity Clearing House (KLCCCH) baru-baru ini atas perniagaan kelapa sawit dan nyatakan siapa yang bertanggungjawab dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka dan sama ada imej negara telah jatuh akibat kekecohan ini dan tindakan-tindakan yang akan diambil supaya perkara begini tidak berulang lagi.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, kekecohan yang berlaku di

kerana laporan kajian ini belum siap, maka tidaklah dapat bagi saya buat masa ini menyatakan kejayaan atau kegagalan program Belia Peladang.

Tuan Jaafar bin Harun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ingin saya mendapat penjelasan lagi daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, pada tahun ini adakah atau tidak ataupun diteruskan Projek Belia Peladang ini dan jika Kerajaan bercadang untuk memberhentikan sementara, adakah Kerajaan sedar bererti seolah-olah menggalakkan pengangguran di kalangan belia-belia kita dan apakah pula projek lain sebagai gantinya?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, rancangan Belia Peladang hanya ditangguhkan buat sementara adalah atas 3 sebab, iaitu semenjak rancangan Belia Peladang dikemukakan pada tahun 1973 ada penilaian atau kekesanan yang dibuat, seperti yang saya sudah kemukakan tadi.

Sebab kedua ialah kerana keadaan ekonomi tidak mengizinkan.

Sebab ketiga ditangguhkan sehingga kajian disiapkan. Tetapi apabila laporan kajian disiapkan pada akhir tahun ini kita boleh ada lagi rancangan yang diberi kepada belia untuk digunakan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini berapa banyakkah peruntukan yang diperuntukkan kepada Belia Peladang untuk menjayakan rancangan tersebut?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

TRAGEDI KD SRI SARAWAK

20. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Pertahanan menyatakan perkara-perkara berikut mengenai tragedi KD Sri Sarawak baru-baru ini:

- (a) punca atau sebab-sebab berlakunya tragedi itu;
- (b) kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan; dan
- (c) sama ada waris mereka yang hilang dan terkorban telah diberi pampasan dan/atau suguhati.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya KD Sri Sarawak tidak mengalami apa-apa kemalangan sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Oleh itu, soal kerugian dan pampasan tidak timbul.

KENDERAAN DIIMPORT – JUMLAH

21. Dato' Chin Kim Yong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan unit kereta-kereta trak dan kenderaan yang diimport pada tahun 1982 dan 1983 dan dari negeri mana.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kenderaan-kenderaan yang diimport dalam tahun 1982 dan sehingga bulan Oktober, 1983 adalah seperti berikut:

	1982	1983 (Jan.-Okt.)
Kereta	16,438	7,949
Penumpang		
Kereta	5,140	3,213
Perdagangan		
Kenderaan Bas	261	112

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kenderaan-kenderaan yang diimport adalah berasal dari Negeri Jepun, Jerman Barat dan United Kingdom.

TEKSI/LORI BUMIPUTERA DISEWA KEPADA BUKAN BUMIPUTERA

22. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada benar teksi-teksi dan lori-lori yang dipunyai oleh Bumiputera disewakan kepada bukan Bumiputera. Jika benar, apakah tindakan yang telah diambil; dan
- (b) sama ada Kerajaan ada rancangan untuk membuat undang-undang supaya perkara ini tidak boleh berlaku.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa ada di antara permit-permit teksi dan lori, sama ada lori 'A' atau lori 'C' yang dikeluarkan kepada bumiputera telah dipajakkan kepada bukan bumiputera atau dengan kata lain telah 'dialibabakan'. Walau bagaimanapun, pemajakan permit-permit ini bukanlah melibatkan permit-permit kepunyaan bumiputera sahaja tetapi ianya juga melibatkan permit-permit kepunyaan bukan bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam setiap permit yang dikeluarkan memang ada disyaratkan yang permit tersebut hendaklah pada setiap masa diusahakan oleh pemegang permit itu sendiri dan tidak boleh dipajakkan kepada orang lain. Walau bagaimanapun, adalah didapati bahawa masih juga terdapat kes-kes di mana pemegang-pemegang permit telah tidak mematuhi syarat tersebut. Kementerian saya memandang berat terhadap perkara ini dan tindakan untuk membatalkan permit-permit yang terbukti terlibat dengan kesalahan ini memang telah dan sedang diambil.

Kementerian saya juga dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan akan terus menjalankan siasatan dari masa ke semasa untuk membanteras kegiatan ini. Tindakan membatalkan permit-permit akan terus diambil sekiranya benar-benar terbukti yang permit-permit tersebut telah dipajakkan.

Berkaitan dengan soal Yang

Berhormat mengenai sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membuat undang-undang supaya memajakkan permit tidak boleh dilakukan, sukalah saya maklumkan bahawa undang-undang mengenai perkara ini memang telah sedia ada. Seksyen 126(2) Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 ada menjelaskan bahawa pemajakan permit adalah merupakan satu kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Kee Wong Wee.

Dato' Chin Kim Yoong: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 23.

JEPUN/MALAYSIA – MENGIMBANGKAN PERDAGANGAN

23. Dato' Chin Kim Yoong (*di bawah S.O.23 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada usaha-usaha telah dan akan dibuat untuk mengimbangkan kedudukan perdagangan antara Jepun dan Malaysia di mana pada masa sekarang adalah menguntungkan Jepun dan nyatakan kemajuan yang dibuat dalam usaha memindahkan teknologi dari Jepun kepada Malaysia.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya berusaha untuk memperbaiki imbalan perdagangan antara Malaysia dan Jepun. Usaha-usaha itu bukan sahaja dilaksanakan secara langsung oleh pihak Kerajaan, malahan juga sektor swasta. Usaha-usaha Kerajaan melibatkan juga rundingan-rundingan dua hala dan pelbagai hala.

Di peringkat rundingan dua hala antara Kerajaan kedua-dua negara, pihak Malaysia terus menggesa pihak Jepun supaya meningkatkan dan mempelbagaikan importnya ke atas barang-barang Malaysia. Di samping itu isu-isu berkaitan dengan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif serta dasar

perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh Jepun juga sentiasa dibangkitkan. Ini bertujuan untuk membuka peluang pasaran yang lebih luas ke atas barang-barang Malaysia di pasaran Jepun.

Di peringkat swasta pula, Kementerian saya terus memberikan sokongan ke arah membentuk satu persefahaman dan kerjasama yang erat antara masyarakat peniaga di kedua-dua negara. Penubuhan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun dan Jepun Malaysia (MAJECA/JAMECA) adalah merupakan satu pendekatan yang lebih berkesan untuk menyalurkan idea dan gesaan-gesaan oleh sektor swasta Malaysia kepada rakan dagangan mereka di Jepun.

Kerajaan juga menggalakkan pihak swasta mengambil langkah-langkah untuk memperkenalkan barang-barang keluaran Malaysia di Jepun melalui rombongan-rombongan perdagangan, penyertaan dalam pameran dan lain-lain kegiatan galakan eksport dengan dibantu oleh Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Tokyo.

Berhubung dengan pemindahan kepakaran teknologi dari Jepun pula, dalam tempoh 1975-1983, sejumlah 249 perjanjian-perjanjian berkaitan dengan pemindahan teknologi perindustrian telah ditandatangani antara syarikat-syarikat perkilangan Malaysia dengan pihak-pihak Jepun. Ini merupakan 32% dari seluruh perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani antara syarikat-syarikat perkilangan Malaysia dengan pihak-pihak asing. Melalui perjanjian-perjanjian ini pihak pembekal teknologi adalah dikehendaki menyediakan program latihan untuk membolehkan kakitangan tempatan menyerap pengetahuan dan kepakaran dari pihak Jepun. Latihan-latihan ini adalah dijalankan di kilang tempatan atau di kilang-kilang pembekal teknologi sendiri di Jepun. Dengan ini sebilangan besar rakyat Malaysia telah dilatih dan telah berupaya menggantikan pakar-

pakar Jepun dalam projek-projek perkilangan usahasama di antara pihak Malaysia dengan Jepun.

KAD PENGENALAN – PEMALSUAN

24. Tuan R. M. Jasni minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar terdapat pemalsuan kad-kad pengenalan; jika benar, apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang memegang kad-kad pengenalan palsu itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri telah mengesan 5 kejadian pemalsuan Kad Pengenalan. Kejadian ini berlaku secara berasingan atau dengan izin "isolated" oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Kegiatan ini telah dapat dikesan oleh pihak Kerajaan oleh kerana Kad Pengenalan yang dipalsukan itu berbeza daripada Kad Pengenalan sebenar. Penyiasatan rapi oleh pihak Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara sedang dibuat ke atas kes-kes ini. Pihak yang terlibat dalam kes pemalsuan ini boleh diambil tindakan undang-undang di bawah Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1960.

TUBE (SISTEM KERETAPI DI BAWAH TANAH)

25. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan "sistem (Tube) keretapi di bawah tanah" sepertimana yang terdapat di negara-negara Barat dan juga di negara Timur yang lain jika ada, bilakah akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum lagi bercadang serta tiada mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan sistem Tube ataupun keretapi di bawah tanah seperti mana yang terdapat di

negara-negara Barat dan juga di negara Timur yang lain.

MAYAT – PEMBEDAHAN MELANGGAR AJARAN ISLAM

26. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa pembedahan mayat di hospital bagi orang-orang Islam yang mati secara luar biasa, adalah satu Peraturan Undang-undang yang melanggar ajaran Islam; jika sedar, apakah sikap Kerajaan dalam perkara ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang di-Pertua pembedahan ke atas mayat bagi tujuan penyiasatan untuk mencari punca-punca kematian atau membuktikan sebab-sebab kematian secara luar biasa terutama apabila jenayah disyaki berlaku adalah dibenarkan oleh ugama Islam. Dalam hal ini penentuan sama ada pembedahan itu perlu dijalankan atau tidak adalah bergantung kepada sesuatu kes kematian.

SOCSCO – BILANGAN PENCARUM

27. Dato' S. Govinda Raj minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) bilangan pencarum dan jumlah caruman mereka kepada SOCSO; dan
- (b) bilangan dan jumlah gantirugi yang telah dibayar kepada pencarum-pencarum.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian (a) bilangan pencarum yang berdaftar dengan PERKESO pada 31hb Disember, 1983 adalah seperti berikut:

Bilangan majikan berdaftar ialah 57,447.

Bilangan pekerja berdaftar ialah 2,408,460.

Jumlah caruman yang dibayar oleh

mereka mulai dari tarikh penguatkuasa Skim PERKESO pada bulan Oktober, 1971 hingga 31hb Disember, 1983 adalah sebanyak 517,061,873.

Bagi jawapan bahagian (b) bilangan penerima-penerima faedah dan jumlah faedah yang dibayar kepada mereka mulai dari bulan Oktober 1971 hingga 31hb Disember, 1983 adalah seperti berikut:

Jumlah penerima faedah 162,776.

Jumlah faedah yang dibayar \$53,554,426.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Othman.

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke 28.

RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CHINA MELAWAT NEGERI CHINA

28. Tuan Nasir bin Haji Manap (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat Rakyat Malaysia keturunan China, melawat Negeri China tanpa menggunakan Pasport Malaysia, dan perbuatan ini dengan tidak secara langsung menjejaskan kedudukan mereka sebagai seorang Rakyat Malaysia; jika sedar berapa banyakkah mereka yang terlibat dan adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu undang-undang bagi menentukan mereka hanya mempunyai satu kewarganegaraan sahaja.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedar dan mempunyai rekod rakyat Malaysia yang membuat lawatan ke negeri China dengan menggunakan pasport Malaysia tetapi mereka telah menyalahi peraturan yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia terhadap lawatan ke Republik Rakyat China. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam tahun 1982 dan 1983

seramai 9,736 orang rakyat Malaysia telah melawat Republik Rakyat China. Bilangan rakyat Malaysia yang telah melawat negeri China tanpa mendapat cop khas dari Kementerian Dalam Negeri adalah seperti berikut:

Tahun 1982 dan sebelumnya	14 kes
Tahun 1983	17 kes
Tahun 1984 sehingga 14.3.84	58 kes
	<hr/> 89 kes

Kerajaan telah dan akan terus mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melawat ke Republik Rakyat China tanpa mendapat kelulusan khas daripada pihak Kementerian Dalam Negeri. Di antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (a) Menarik balik pasport Malaysia;
- (b) Melarang mereka membuat lawatan ke seberang laut untuk jangka masa yang sewajarnya.

Di samping tindakan yang diambil sekarang, seorang Warganegara Malaysia yang terlibat dalam kesalahan ini berkemungkinan kehilangan taraf kewarganegaraannya sesuai dan selaras dengan syarat dan peruntukan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Perlembagaan Malaysia mempunyai peruntukan yang cukup bagi membolehkan Kerajaan melucutkan taraf Warganegara seorang rakyat Malaysia jika ia menggunakan hak dan keistimewaan yang diberikan khas kepada rakyat sesebuah negara asing di negara itu. Ini bermakna rakyat Malaysia tidak boleh menjadi Warganegara lain negara pada suatu masa yang sama.

PASUKAN TENTERA DIRAJA AUSTRALIA

29. Datuk Haji Mohd. Din Jaafar minta Menteri Pertahanan menyatakan

berapa banyakkah bilangan pekerja-pekerja awam akan kehilangan pekerjaan, bila Pasukan Tentera Diraja Australia (RAAF) yang berpangkalan di Butterworth berundur menjelang tahun 1988 dan sama ada Kerajaan akan membayar gantirugi kepada Kerajaan Australia bila pengkalan di Butterworth diambil alih oleh Tentera Udara Diraja Malaysia.

Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Yang di-Pertua, bilangan pekerja-pekerja awam yang telah kehilangan kerja semenjak No. 75 Squadron berundur dari Pengkalan Butterworth pada Ogos, 1983 hingga masa kini ialah seramai 210 orang dan jumlah pampasan yang telah dibayarkan oleh Kerajaan Australia kepada pekerja-pekerja tersebut berjumlah \$4.5 juta. Pada masa sekarang masih ada 954 orang pekerja-pekerja awam yang bekerja dengan Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) dan berapakah daripada bilangan ini akan kehilangan pekerjaan hanya akan dapat dipastikan selepas keputusan resmi kedudukan Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) di Butterworth diumumkan oleh Menteri Pertahanan Australia yang akan melawat Malaysia pada 22hb April yang akan datang.

Walau bagaimanapun, suka saya nyatakan di sini bahawa Kerajaan Malaysia tidak akan dikenakan membayar apa-apa ganti rugi kepada Kerajaan Australia apabila Pengkalan di Butterworth diambilalih oleh Tentera Udara Diraja Malaysia nanti. Ini adalah di sebabkan kebanyakan harta kekal dan peralatan yang kini digunakan bersama oleh Tentera Udara Diraja Malaysia dan RAAF adalah ditinggalkan oleh Kerajaan British kepada Kerajaan Malaysia tanpa kos apabila Royal Air Force berundur dari Pengkalan Butterworth pada tahun 1970. Walaupun ada sebahagian kecil dari kelengkapan alat dan bangunan-bangunan berbentuk

sumbangan Tentera Udara Diraja Australia (RAAF) tetapi seperti yang dipersetujui dalam perjanjian 'Collocation' antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia pada tahun 1972, segala harta kekal dan tetap ini akan menjadi milik Kerajaan Malaysia tanpa bayaran ganti rugi apabila Tentera Udara Diraja Australia berundur dari Pengkalan Butterworth kelak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Basharon Hanafiah.

(Soalan No. 30 Yang Berhormat Tuan Basharon bin Hanafiah tidak hadir).

BAHASA MALAYSIA STANDARD – PELAJARAN MELALUI RTM

31. Tuan Nasir bin Haji Manap minta Menteri Penerangan menyatakan, sama ada Kementerianya bercadang hendak mengadakan pelajaran Bahasa Malaysia yang standard melalui siaran radio dan televisyen; dan sama ada Jumaah Menteri telah mengarahkan Kementerian Penerangan mengatur rancangan seperti ini.

23.4.84

16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar minta Menteri Penerangan menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan penyebutan Bahasa Malaysia Standard yang diura-urakan untuk dilaksanakan oleh RTM kelak, dan dari segi apakah penyebutan yang diamalkan sekarang ini sudah dianggap "tidak standard" lagi.

Timbalan Menteri Penerangan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan pada 23hb April 1984 yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar yang membangkitkan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara penggunaan Bahasa Malaysia yang standard telahpun dikemukakan dan

disetujui oleh Jemaah Menteri pada 18hb Januari 1984. Buat masa sekarang Kementerian saya, sedang berusaha ke arah penggunaan Bahasa Malaysia Standard iaitu Bahasa Malaysia yang menggunakan sebutan yang berdasarkan kepada fonetik atau bunyi vokalnya. Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai maksud Bahasa Malaysia Standard, Ahli Yang Berhormat bolehlah menghubungi badan yang diperuntukkan kuasa di sisi Undang-undang untuk memutuskan apa jua dasar bahasa kebangsaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, satu agensi di bawah Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya hanya merupakan agensi pelaksanaan iaitu Kementerian saya akan menggunakan saluran medianya terutama radio dan televisyen untuk menggerakkan usaha murni ini. Untuk tujuan ini, Kementerian saya telahpun mengaturkan kempen-kempen penggunaan Bahasa Malaysia standard dan sedang merancang mengadakan rancangan bimbingan Bahasa Malaysia standard melalui radio dan talivision dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam masa yang sama juga RTM sedang mengadakan kursus-kursus sebutan standard Bahasa Malaysia yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai daripada Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 30, 32 hingga 36 adalah diberi di bawah ini).

LORI "A" KEPADA BUMIPUTERA

30. Tuan Basharon Hanafiah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa banyak permit lori "A" yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Bumiputera sehingga akhir

bulan Februari, 1984 mengikut negeri-negeri di seluruh Malaysia.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Jumlah permit lori A yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada Bumiputera sehingga akhir bulan Februari 1984 ialah sebanyak 11,676 dan pecahannya mengikut negeri-negeri di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Permit</i>
Perlis & Kedah	1,067
Pulau Pinang	508
Perak	1,175
Selangor & Wilayah Persekutuan	4,082
Pahang	655
Kelantan	877
Trengganu	949
Negeri Sembilan	954
Melaka	280
Johor	1,129
Jumlah	<u>11,676</u>

HELIKOPTER TENTERA RUSSIA DI PERAIRAN TRENGGANU

32. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kemunculan helikopter Tentera Russia pada akhir bulan Februari 84 berhampiran pelantar minyak Petronas di Laut bertentangan dengan Kuala Terengganu itu tidak mengancam keselamatan negara.

Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Soalan ini telahpun saya jawab pada 9hb. April, 1984 yang lalu, oleh itu saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi kepada jawapan saya itu.

PENUNTUT MALAYSIA YANG MILITANT - TINDAKAN

33. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramaikah penuntut Malaysia di luar negeri yang bersikap Militan yang telah diambil tindakan oleh pihak Kerajaan.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat seorang pelajar yang telah diambil tindakan kerana melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab yang pada pandangan Kerajaan telah menjejaskan nama baik Kerajaan, dan tiga orang lagi dikenakan tindakan kerana menjadi ahli di dalam pertubuhan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan.

UNIT JANTUNG UNIVERSITI HOSPITAL

Tuan K. Kumaran minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab sebenarnya unit jantung (Cardiac Intensive Care Unit) dan unit pembedahan (operation theatre) di Universiti Hospital ditutup, dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membuka semula unit-unit ini; dan apakah rancangan Kementerian pada masa hadapan untuk memastikan pesakit-pesakit jantung tidak disusahkan akibat penutupan seperti ini serta nyatakan jumlah pesakit jantung yang meninggal dunia di hospital tersebut semenjak penutupan unit itu.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tidak wujud di Universiti Hospital apa yang dikatakan Unit Pembedahan Jantung, tetapi apa yang berlaku selama ini ialah pesakit-pesakit jantung mendapat rawatan mereka melalui Perkhidmatan Pembedahan Jantung yang merupakan sebahagian daripada keseluruhan perkhidmatan di bawah Jabatan Pembedahan di Hospital tersebut. Dengan yang demikian tidaklah timbul masalah penutupan Unit Pembedahan Jantung sepertimana yang didakwakan.

Walaupun bagaimanapun, dalam keadaan Hospital ini mengalami masalah pakar-pakar bedah jantung meninggalkan perkhidmatan mereka dengan pihak Universiti Hospital, perkhidmatan pembedahan jantung tidak pernah dihentikan, dan masalah

yang menjejaskan nasib beribu-ribu pesakit jantung sepertimana yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah benar.

Memandangkan betapa pentingnya Perkhidmatan Pembedahan Jantung ini, maka Lembaga Pengurus Hospital Universiti telah mengambil keputusan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan tersebut kepada taraf sebuah Unit Rawatan Rapi Jantung. Segala persediaan ke arah penubuhannya sedang berjalan lancar, dan Insya Allah akan dibuka dengan rasminya tidak berapa lama lagi.

Jawapan yang seakan-akan sama telah dikemukakan dalam Dewan ini bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman pada 10.4.1984.

MURID-MURID – PROSES PENGAMBILAN

35. Puan Hajjah Hafsah binti Osman minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa lamakah masa yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memproses pengambilan murid-murid ke sekolah asrama penuh.

Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Proses pengambilan murid-murid ke Sekolah Berasrama Penuh melibatkan pengedaran borang-borang soalselidik mulai bulan Ogos, 1983 kepada murid-murid yang layak dipertimbangkan hinggalah murid-murid yang berjaya terpilih menerima surat tawaran dari Kementerian Pelajaran. Proses pengambilan murid-murid ke Sekolah Berasrama Penuh yang menggunakan kaedah dan kriteria sekarang ini melibatkan masa tidak kurang dari 3 bulan.

PARTI REVOLUSI NATIONALISMA MALAYA (PRNM)

36. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

sama ada benar bahawa Parti Revolusi Nasionalisma Malaya (PRNM) digunakan oleh Parti Komunis Malaysia sebagai organisasi topengnya untuk mendapat sokongan rakyat; jika benar nyatakan di mana markas parti ini dan tindakan yang telah dan akan turut diambil oleh Kerajaan ke atas parti haram ini dan pergerakannya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya (bukannya Parti Revolusi Nasional Malaya) ialah sebuah organisasi topeng yang hanya diwujudkan di atas kertas sahaja (paper-organisation) sebagai alat propaganda Parti Komunis Malaya.

Sebagai satu organisasi topeng yang hanya ujud di atas kertas, Parti ini tidak mempunyai markas.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kerajaan ialah mengingatkan rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan sempadan Malaysia/Thailand supaya tidak terpedaya dengan propaganda Parti Komunis Malaya. Kerajaan juga telah mengesan dan merampas propaganda yang dikeluarkan oleh Parti Komunis Malaya.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA KEBAWAH D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya: "Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu

mengadakan terlampau pendek masa bagi laporan Parlimen. Jadi, kami Ahli-ahli Dewan Negara ini berasa syukur kerana beliau sekarang menjadi Timbalan Menteri Penerangan. Tetapi hingga pada masa ini perubahan tidak pun berlaku. Mungkin saya bukanlah hendak kata pihak beliau terlupa masa dia di dalam Dewan sebagai Ahli Dewan Negara dahulu. Saya berharaplah Menteri Penerangan tolonglah memperingatkan apa yang beliau kata dahulu. Insya Allah apa yang dihajatkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini dapat dimakbulkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Pelajaran. Saat-saat yang lepas ini kita selalu memperdengarkan dalam Radio, Televisyen dan sebagainya berkenaan dengan penuntut-penuntut di luar negeri. Ada penuntut-penuntut di luar negeri ini selalu menentang Kerajaan. Apa yang Kerajaan buat semua tidak betul. Apabila pemimpin-pemimpin melawat tempat-tempat di Amerika, England dan sebagainya selalu diserang oleh penuntut-penuntut ini dengan hujah-hujah yang kurang sedap didengar, bermacam-macam berlaku, dan Kerajaan akan membuat tindakan dan sebagainya. Ada yang setengah mereka akan mengambil tindakan. Ada Menteri lain pula kata kita tidak akan ambil tindakan. Kita akan ambil tindakan pada penuntut-penuntut militant dan sebagainya. Saya tidak kisah dalam masalah ini.

Satu lagi saya hendak bertanya pihak yang berkenaan siapa yang sebenarnya bertanggungjawab menjaga kebajikan penuntut-penuntut di luar negeri. Kadang-kadang pihak Kementerian Luar Negeri untuk mengambil campur tangan dalam masalah penuntut luar negeri ini, Kementerian Pelajaran biasa kata 'kamu tidak ada sangkut-paut dengan penuntut-penuntut di sini dan masing-masing lepas tangan. Akhirnya penuntut-penuntut itu jadi liar. Salah satunya yang berlaku demikian kerana

Pegawai-pegawai Kebajikan yang pergi menjadi sebagai bapa angkat kepada penuntut-penuntut luar negeri itu bukan sebagai bapa angkat tetapi sebagai diplomat. Oleh yang demikian, maka perhubungan di antara bapa angkat dengan penuntut itu tidak dapat dirapatkan, masing-masing menunjuk lagak. Ini yang disebabkan penuntut-penuntut itu berasa frustrated, dengan izin, kerana kita katakan perhatian oleh Pegawai-pegawai Kebajikan tidak ada langsung. Sebab yang saya maksud tadi Pegawai-pegawai Kebajikan ini berlagak sebagai diplomat bukan sebagai bapa angkat. Ini pihak Kementerian patut mengambil ingatan supaya orang-orang yang betul-betul dapat mendampingi penuntut-penuntut itu dihantar kepada negeri-negeri yang berkenaan supaya dapat kita merapatkan persahabatan kita antara penuntut dengan pihak Pegawai Kebajikan.

Satu lagi, ada ahli Parti Pembangkang kita selalu pergi keluar negeri. Dia pergi keluar negeri berjumpa penuntut, dia menghasut penuntut itu mengatakan Kerajaan kita ini zalim dan sebagainya. Selepas itu laporan sampai balik ke Kementerian kita terutama sekali Kementerian Pelajaran, Kementerian Luar Negeri dan sebagainya mengatakan seorang ahli pembangkang pergi ke England menghasut penuntut-penuntut itu supaya menentang Kerajaan. Maka kita pun mengambil sikap menghantar pegawai kita untuk membasuh segala hujah-hujah yang disampaikan oleh pihak Pembangkang tadi.

Tetapi sayang, pegawai-pegawai yang dihantar untuk membasuh segala hujah-hujah oleh pihak Pembangkang, dihantar pegawai yang tidak setaraf dengan orang Parti Pembangkang tadi. Kadang-kadang pegawai-pegawai yang dihantar itu dengan penuntut-penuntut itu pun kalah kalau hendak berhujah. Macam mana dia berhujah dengan seorang ahli Parti pembangkang yang begitu berkaliber untuk menghujah,

mendakychkan kepada penuntut-penuntut itu. Jadi, saya berseru kepada pihak yang berkenaan kalau hendak hantar pegawai itu hantarlah yang bertaring sedikit supaya dapat mengatasi segala hujah-hujah daripada Parti Pembangkang.

Saya rasa sudah terlebih 10 minit, saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana banyak lagi rakan-rakan saya akan berucap saya sekali lagi menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan Rakyat pada minggu yang lepas. Sekian.

3.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian sepaceh dua kata bagi mencadang dan menyokong di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong masa melafazkan Titah Ucapan di Dewan Rakyat pada 12hb Mac, 1984 yang lalu dan di sini izinkan saya bagi pihak diri saya dan juga khasnya rakyat seluruh negara amnya merafak sembah menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah yang sepanjang tempoh masa menduduki singgahsana Kerajaan Pusat sebagai Yang di-Pertuan Agong telah berjaya memikat dan menawan hati rakyat seluruhnya.

Kewibawaan dan krisma Baginda sesungguhnya telah menjadi pendorong kemajuan rakyat dan negara. Bagi diri saya sendiri, saya begitu terhutang budi kepada Baginda dan Kerajaan kerana telah memberi kepercayaan dan peluang menduduki Dewan yang mulia ini sebagai Ahli Dewan Negara. Hal ini telah memberi kesempatan kepada saya terlibat sama dalam urusan penggubalan dan kelulusan Rang undang-undang negara. Sama-samalah di sini kita berdoa keaderat Allah s.w.t. semuga Baginda yang di-Pertuan

Agong dan Raja Permaisuri Agong akan meninggalkan kita supaya dilimpahi oleh rahmat dan sihat sejahtera sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang negara kita sering menjadi tumpuan dan perhatian negara-negara luar sama ada dari negara-negara maju atau sedang membangun. Negara-negara tersebut yang telah mengenali negara ini secara dekat memuji-muji di atas tahap kemajuan ekonomi serta kesetabilan politik yang kita capai yang mana amat jauh majunya jika dibandingkan dengan negara-negara yang hampir sama mencapai kemerdekaan dengan kita di masa lampau. Boleh dikatakan imej negara dikalangan negara-negara dunia masa kini telah meningkat dan mencapai satu tahap yang membanggakan kita semua yang menjadi rakyat di negara ini. Dari segi ekonomi kita dapati walaupun Kebanyakan negara-negara di dunia sama ada negara-negara maju atau sedang membangun telah dilanda dengan teruknya oleh kemelesetan ekonomi dunia. Negara kita pada umumnya telah dapat mengawal kesan-kesan kemelesetan itu dengan tidak terlalu menjejaskan kehidupan rakyat jelata khususnya golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Ekonomi kita juga mampu berkembang dengan memuaskan walaupun di tengah-tengah negara kita didapati Perkembangan sedemikian – ia tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kunci kepada segala kejayaan dan kemajuan yang saya sebutkan sebentar tadi ialah wujudnya dalam negara kita satu kepimpinan politik yang berkenaan dan dihormati oleh kawan dan lawan khususnya pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Sememangnya semenjak dari dahulu lagi pemimpin-pemimpin kita merupakan pemimpin-pemimpin yang realis dan pragmatik serta berani dan tegas melaksanakan

tugas-tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat.

Kita semua patut bersyukur keadrat Allah s.w.t. kerana rahmatnya yang telah memberi taufik dan hidayat kepada pemimpin-pemimpin kita di dalam membangunkan negara ini. Kerajaan yang berjaya adalah satu Kerajaan yang meletakkan kepentingan rakyat di atas segala-gala di samping pemimpin-pemimpinnya pula mampu mengubahsuaikan sistem pentadbirannya mengikut masa dan keadaan setempat. Keadaan ini pula menuntut kepada gandingan bersama semua lapisan masyarakat tanpa mengira pangkat, darjat dan kuasa. Dalam hal ini kita bersyukur sekali lagi kepada Allah s.w.t. yang telah dikurniakan oleh Allah segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, keselamatan. Keselamatan negara merupakan salah satu aspek yang terpenting yang senantiasa menarik perhatian Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam ucapan beliau baharu-baharu ini. Selain dari usaha pembesaran dan pemodenan Angkatan Tentera kita seharusnya juga kita memberi penekanan kearah memperkuat semangat ketahanan nasional dikalangan rakyat dari semua kaum di negara ini. Adalah satu perkara yang mendukacitakan kita jika masih ada rakyat yang lebih mementingkan diri dan harta dari masalah keselamatan negara. Golongan seperti ini sanggup berpindah keluar negeri jika mendengar khabar negara sedang diancam musuh atau cepat-cepat memindahkan wang mereka ke bank-bank di luar negeri apabila mendengar ramalan keadaan ekonomi yang kurang cergas di negara ini atau dengan tujuan untuk memperolehi faedah yang tinggi dari bank-bank di luar negeri. Bagi memperkuat semangat ketahanan nasional sasaran utama perlulah dihalakan kepada jenerasi muda kita. Ini bukan sahaja kerana merekalah yang bakal mengendalikan dan memajukan negara di masa hadapan

tetapi yang lebih penting lagi kerana jenerasi muda sudah semakin mengeneipkan maklumat dan iktibar sejarah negara ini. Peristiwa dan sejarah kebangsaan dan kemerdekaan patut benar difaham secara mendalam dikalangan rakyat terutamanya jenerasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya usaha pendedahan pengetahuan ketenteraan kepada pelajar-pelajar di Pusat-pusat Pengajian Tinggi di bawah sistem ROTO – Unit Latihan Penguasa Pegawai Simpanan – atau juga Kedet Polis dan Kedet Tentera yang diperkenalkan di sekolah-sekolah perlu diperbesar dan diperluaskan lagi. Unit latihan ketenteraan seperti ini bukan sahaja dapat menyediakan barisan tentera simpanan yang terlatih tetapi dalam konteks keselamatan dan sosial ia dapat mendisiplinkan pelajar-pelajar kita supaya menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan berguna kepada negara. Saya harap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pelajaran akan menimbangkan dengan teliti akan cadangan saya ini.

Suasana keselamatan serantau masih lagi membimbangkan kita semua khasnya peristiwa yang berlaku di Kampuchea dan negara Thai ankar pencerobohan rejim Vietnam hingga ke kawasan negeri Thai telah memperlihatkan keangkuhan rejim tersebut yang berlarutan yang tidak pernah memperhetongkan dan menimbangkan harapan masyarakat antarabangsa. Kerajaan negara-negara ASEAN perlulah berusaha secara berterusan dengan apa cara yang boleh bagi membawa rejim Vietnam membincangkan isu Kampuchea secara waras dan lebih positif.

Tuan Yang di-Pertua, kefahaman rakyat terutamanya para usahawan di negara telah semakin meluas terhadap Dasar Pandang ke Timur. Nilai-nilai baik dan Etika Kerja orang-orang Jepun dan Korea akan diterima dan dicuba kedalam budaya masyarakat negara kita ini.

Dalam hal ini kejujuran orang-orang Jepun dalam menghulurkan pertolongan kepada kita mula teruji. Kesediaan mereka mengeksport teknologi tinggi dan melatih pekerja mahir dari anak tempatan atau mengurangkan sekatan-sekatan tarif dalam dagangan ternyata masih berupa janji-janji kosong seperti tahun 1942 dahulu. Kita berharap Jepun dan Korea akan menjadi rakan perdagangan yang baik kepada kita, malahan Jepun dan Korea perlu menjadi guru dan pembimbing kita dalam usaha kita mempelbagaikan kemajuan dalam sektor ekonomi negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan, ekonomi yang perlu diperolehi oleh rakyat Malaysia dalam zaman kemelesetan yang teruk baru-baru ini meyakinkan kita bahawa dasar-dasar ekonomi, langkah-langkah ekonomi yang diambil oleh Kerajaan adalah tepat dan bersesuaian dengan suasana ekonomi semasa. Dasar Ekonomi Baru sebagai contoh, telah berjaya mengubah sikap rakyat sempit dan terhad selama ini kepada sikap gigih berusaha dan terbuka. Gambaran kejayaan Dasar Ekonomi Baru bukanlah hanya menggambarkan kejayaan ekonomi orang Melayu dan kaum Bumiputera sahaja tetapi menggambarkan kejayaan dan kerjasama ekonomi semua kaum yang ada di alam negara kita ini.

Biarpun kemajuan ekonomi negara meningkat, namun masalah kemiskinan rakyat masih meluas dan tinggi. Kemiskinan di kampung-kampung tradisional dan di kawasan-kawasan sesak di perkampungan setingan masih nyata dan menyedihkan. Rancangan Kerajaan melalui Pusat Pembangunan Wilayah nampaknya belum berfungsi dan belum berkesan dalam konteks pembasmian kemiskinan.

Kita berharap Dasar Pertanian Negara akan berusaha menukar corak hidup masyarakat desa menjadi lebih maju dan menerima perubahan cabaran zaman moden sekarang ini. Keluasan

kawasan tanah terbiar di seluruh negara yang tinggi perlulah diberi perhatian dalam rancangan memenuhi Dasar Pertanian Negara. Penggunaan teknologi moden di bidang pertanian perlu diberi perhatian yang utama dalam rancangan tersebut dengan harapan agar kaum tani diberi pendedahan yang luas cara pertanian moden. Saya yakin jika hal tersebut dapat ditimbulkan, masalah kemiskinan petani akan dapat diatasi dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada kemajuan dan pembangunan jalan-jalan raya di seluruh negara. Pembangunan yang telah dicapai di dalam bidang ini memang membanggakan kita, lebih-lebih lagi kita mempunyai rangkaian lebuh raya yang agak panjang di seluruh negara. Bagaimanapun kegembiraan kita kepada perkembangan rangkaian lebuh raya menghadapi kekeciwaan apabila dalam tempoh yang tidak begitu lama kita melihat dan berdepan pula dengan masalah kerosakan di meratarata tempat khususnya sepanjang Lebuh raya Kuala Lumpur-Seremban berbanding dengan negara-negara lain.

Contoh yang terdekat ialah negeri Thailand, lebuh raya mereka lebih tinggi mufunya. Adakah dalam hal ini kita telah tertipu atau ditipu oleh pakar-pakar asing atau ada pihak di dalam Jabatan Kerjaraya yang terlibat secara rasuah sama ada pembinaan lebuh raya tersebut ataupun lain-lain? Saya berharap siasatan yang menyeluruh dibuat berhubung dengan perkara ini. Kita tidak mahu perkara-perkara seumpama ini berlarutan dan akan menjangkit apa yang kita buat di masa akan datang akan timbul masalah seperti ini juga.

Tuan yang di-Pertua, sedang Kerajaan sibuk berusaha meningkatkan pembangunan dan kemajuan negara dalam semua bidang tiba-tiba kita menjadi terpegun sejenak dengan berita

penutupan atau pengurangan operasi Unit Jantung di Hospital Universiti, Petaling Jaya. Langkah tersebut diambil dengan alasan ketiadaan tenaga mahir di bidang yang berkenaan. Hal ini merupakan contoh kurangnya semangat kecintaan terhadap kebajikan awam dan negara di kalangan para ilmuan atau pakar-pakar kita. Pada andainya mereka ini lebih mementingkan diri sendiri dari kepentingan negara. Saya menyeru dan berharap kepada semua pihak yang terlibat menyelesaikan segala masalah yang timbul itu dan meletakkan negara mengatasi kepentingan peribadi masing-masing.

Langkah Kerajaan memenuhi tuntutan kenaikan gaji dan kemudahan bagi para doktor bukanlah penyelesaian benar-benar di dalam mengatasi masalah penghijrahan para doktor ke dalam sektor swasta. Yang terpentingnya penyelesaian menyeluruh harus diambil termasuk menukar dan mengubah syarat-syarat perkhidmatan, menswastakan unit-unit rawatan tertentu atau membangunkan secara usahasama di bidang perkhidmatan perubatan dengan pihak-pihak swasta. Saya rasa jika sikap keterbukaan diambil oleh Kerajaan dalam perkara ini, insya Allah, negara kita akan mempunyai perkhidmatan rawatan yang sempurna dan lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, di tahun-tahun kebelakangan ini sistem persekolahan dan pelajaran negara ini telah meningkat setapak lagi khasnya menerusi sistem KBSR yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran. Dari laporan-laporan yang kita terima telah memperlihatkan kejayaan yang begitu baik dan memuaskan. Bagaimanapun di kebanyakan sekolah masih menghadapi tekanan murid yang terlalu ramai bagi satu-satu kelas KBSR. Hal ini mendatangkan masalah kepada guru-guru yang terlibat. Saya bimbang jika masalah-masalah seperti ini tidak diatasi segera, andainya KBSR akan musnah begitu sahaja.

Seperkara lagi yang perlu kita mengambil perhatian ialah peranan ibu bapa sendiri dalam konteks pelajaran anak-anak mereka. Pada pandangan saya sistem KBSR akan gagal melahirkan manusia yang sempurna dari segi akhlak jika ia tersalah bawa atau ibu bapa tidak turut melibatkan diri dengan anak-anak mereka. Anak-anak akan hilang rasa hormat kepada orang tua atau berapa sombong dengan kejayaan dan kecemerlangan dirinya. Saya berharap guru-guru, ibu bapa dan semua pihak sentiasa mengkaji dan menilai supaya sistem KBSR mencapai kejayaan yang baik.

Masalah akhlak hingga membawa kepada kes-kes jenayah di kalangan murid-murid sekolah telah semakin berkembang luas dan membimbangkan kita. Banyak sebab dan punca masalah tersebut timbul. Pada umumnya semua pihak mestilah bertanggungjawab dan berusaha mencari penyelesaian segera.

Di pihak sekolah misalnya selain dari memperketatkan disiplin, Unit Counselling mestilah diberi pertimbangan yang baik. Kementerian Pelajaran perlu meletakkan pegawai-pegawai counselling yang terlatih di sekolah-sekolah atau guru-guru counselling diberi peluang mengikuti kursus-kursus counselling yang melengkapkan diri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat Kerajaan bagi melahirkan golongan rakyat yang sempurna sifat dan perwatakannya, penerapan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai yang baik mengikut ukuran universal mestilah diperkembangkan secara meluas ke dalam masyarakat. Perkembangan dan fahaman agama ke dalam masyarakat mestilah dipikul bersama oleh Jabatan Agama secara yang lebih sistematik dan berterusan. Janganlah hendaknya tugas diserahkan hanya kepada badan-badan agama di luar Kerajaan. Kesan dari fahaman agama yang tidak begitu sistematik dan lengkap, kita telah ketemu dengan golongan orang yang menyisih atau membuang diri dari tugas-tugas utamanya di dalam

masyarakat. Misalnya seorang ahli bank berhenti kerana diberi fahaman-fahaman bahawa tempat kerjanya itu iaitu bank adalah pengembang riba atau seorang pelajar yang dihantar ke luar negeri akan sanggup berhenti dari belajar dengan alasan dia tidak mahu terlibat dengan masyarakat yang rosak akhlak dan pergaulan bebas. Semua ini adalah contoh umum yang berlaku di dalam masyarakat ini akibat pemahaman agama yang sempit dan tidak lengkap dan menyeluruh.

Sebagaimana sekarang juga ada parti-parti yang ada dalam negara kita ini yang mana Ahli-ahli Dewan Negara menyuarakan iaitu terdapat dikampung-kampung pembawa-pembawa parti, pengikut-pengikut pati yang ada pada hari ini umpamanya Sembahyang Jumaat dua kali dua Imam, penyembelihan orang Islam tidak boleh dimakan oleh parti yang lain dan sebagainya. Saya harap ini akan mendapat perhatian dari pihak Kerajaan bersungguh-sungguh dalam soal agama Islam ini. Saya berharap Jabatan Agama dan badan-badan agama Kerajaan mempunyai susunan program yang lengkap berterusan dan menumpukan sasaran yang tepat termasuk kepada anak-anak kita di luar negeri dan kalau boleh peruntukan yang lebih disediakan untuk tujuan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Sedikit lgi, Tuan Yang di-Pertua, dalam 5 minit. Rasa saya ucapan tidaklah lengkap jika perkara mengenai sukan tidak ditimbulkan juga dari segi mutu sukan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam apa permainan dan lapangan sekalipun tidaklah consistent dan mantap untuk pertahanan satu-satu tingkat. Di satu ketika kita terkenal mempunyai pasukan bola sepak atau hoki atau badminton atau lain-lain permainan yang sangat baik hingga setanding dengan jaguh-jaguh dunia. Kemudian

di ketika yang lain pula permainan pasukan kita jatuh merosot hingga boleh menggalahkan bila berdepan dengan pasukan yang paling lemah. Pada pendapat saya hal seperti ini berlaku kerana perancangan yang teliti dan berterusan tidak dibuat. Dalam hal ini KBBS atau Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jangan lagi hanya berpuas hati bertindak sebagai pendorong atau penasihat tetapi perlu melibatkan diri secara langsung dalam pembangunan sukan di tiap-tiap badan sukan. Inisiatif-inisiatif tertentu dari Kerajaan perlulah ada juga seperti menyediakan berbagai kemudahan dan hadiah-hadiah yang besar disediakan kepada pemain yang mengharumkan nama negara kita untuk tempoh yang tertentu.

Perkara seperti ini yang telah diamalkan di beberapa buah negeri dan mereka dapat mempertahankan kedudukan secara berterusan. Bagaimanapun kita harus ingat pembangunan sukan negara bukan hanya terletak di bahu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja, malahan ianya melibatkan banyak pihak dan kita harap semua pihak yang terlibat akan sama-sama menimbang dan memikirkan cara meningkatkan mutu sukan negara.

Akhirnya, bagi mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi penghormatan kepada saya sebagai Ahli Dewan Negara dan begitu juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia yang telah kita dengar ucapan Baginda di pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Keenam baru-baru ini.

Kepada Allah kita mohon semoga negara kita akan terus makmur dan aman. Sekian assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

4.24 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin bercakap sepatah dua kata untuk mengambil bahagian untuk mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Isnin bersamaan 12hb Mac, 1984 di Dewan Rakyat.

Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebanyak lima muka itu telah mengandungi berbagai aspek menyimpulkan keseluruhannya yang penting dapat saya bahagikan kepada beberapa perkara yang menjadi asas atau teras garisan panduan sama ada dari segi pemimpin dan kepimpinan, dasar-dasar Kerajaan, pentadbiran, persyarikatan Malaysia dan penswastaan, ekonomi, pertanian, dasar luar dan sebagainya.

Saya yakin dan percaya bahawa Titah Ucapan Diraja yang begitu bernas dan menyeluruh yang telah disampaikan kepada rakyat, maka bukan sahaja pemimpin-pemimpin kita bahkan rakyat keseluruhannya menyambut baik akan menjadi pegangan dan panduan kepada mereka bagi menjalankan tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh konsep Kepimpinan Melalui Teladan. Ayat ini adalah tepat sama sekali. Saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita yang telah mengutarakan cogan pemimpin ini iaitu "Kepimpinan Melalui Teladan". Saya nampak bagaimana besarnya hasrat dan cita-cita Perdana Menteri kita kepada pemimpin-pemimpin kita supaya mempunyai sikap yang demikian dalam memimpin dan mentadbirkan negara kita ini supaya rakyat kita dapat mencontohi pemimpin-pemimpin kita, kerana setiap

pemimpin mesti mempunyai pengikut. Apa yang dicontohi oleh pemimpin akan diperhati dan diikuti oleh rakyat. Oleh itu apakah halnya jika konsep Kepimpinan Melalui Teladan ini tidak diambil kira sebagai garisan panduan yang utama.

Sementara dasar ini dijalankan, saya lagi sekali mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita sama ada di peringkat pusat ataupun negeri yang telah menunjukkan usaha-usaha dan mencerminkan beberapa perkara dalam usaha kepimpinan masing-masing. Saya harap sikap ini akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengisi cogan kata pemimpin dan mengamalkannya maka saya suka menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini secara sungguh-sungguh iaitu masih ada kedapatan Kepimpinan Melalui Teladan ini tidak seberapa menepati cogan kata Kepimpinan ini. Dan ini adalah diharapkan supaya Ketua-ketua Pejabat kita dapat mempertingkatkan lagi usaha-usaha kepimpinan itu di pejabat masing-masing.

Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada ketua-ketua dan pegawai-pegawai Kerajaan kita pula yang telah mengikut dan mempertingkatkan kepimpinan mereka dan mudah-mudahan dasar ini diteruskan dan menjadi panduan kepada kita masing-masing iaitu janganlah sekali-kali konsep Kepimpinan Melalui Teladan ini diselewengkan ataupun sebagai kata pepatah Melayu: "Jangan sebagai ketam menyuruh anaknya berjalan betul".

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa sukacita kerana nilai-nilai Islam Kerajaan kita telah mula dan terus menjalankan usaha-usaha penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara. Kalau dahulu penyampai-

penyampai berita TV kita tidak memberi salam tetapi sekarang telahpun memberi salam. Surau-surau dalam pejabat-pejabat Kerajaan pun telah ada disediakan dan sebagainya. Tetapi penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran negara kita ini hendaklah kita pesat dan dipertingkatkan lagi. Saya sukacita juga memberi contoh atau mengesyorkan barangkali mungkin boleh dibuat dalam seminggu sekali secara tidak langsung diadakan kuliah-kuliah agama di waktu rehat di pejabat-pejabat Kerajaan masing-masing.

Saya fikir dengan cara ini pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan kita pula secara tidak langsung juga dapat belajar agama ataupun mendengar ceramah-ceramah singkat untuk menambahkan bekalan agama, amal ibadatnya.

Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak marah dan tidak menjadi ejekan pula barangkali kerana menuntut ilmu itu daripada buaian hingga ke liang lahat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Dasar Pertanian Negara saya juga rasa bangga kerana dasar ini telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita tempoh hari yang merangkumi beberapa Kementerian termasuklah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perusahaan Utama. Dasar ini ada yang telah pun dilaksanakan secara tidak langsung iaitu mengikut di bawah Jabatan, Kementerian masing-masing. Cumanya apa yang saya harapkan ialah supaya dengan adanya Dasar Pertanian Negara ini maka negara dan rakyat kita akan dapat mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka yang lebih sama ada untuk keperluan keluarganya ataupun lebih-lebih lagi boleh menambahkan sumber pendapatannya masing-masing.

Mudah-mudahan pada suatu masa yang akan datang negara kita akan

terkenal barangkali dengan hasil buah-buahan tempatan misalnya ataupun kalau boleh dengan buah-buahan Malaysia ataupun sayur-sayuran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dalam Titah Ucapan Baginda menyentuh dalam bahagian kemudahan-kemudahan asas seperti membina dan memperbaiki jalan-jalan ataupun penyelenggaraannya. Masa sekarang banyak jalan-jalan telah dibina terutama di luar bandar untuk memudahkan perhubungan. Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, setelah jalan-jalan itu dibina apakala rosak dan berlubang-lubang telah menjadi terbiar dan kadang-kadang terlalu lama baru dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, jauh bezanya kalau jalan-jalan di dalam bandar jika hari ini berlubang esok pasti diturap dan diperbaiki. Demikian juga pembekalan air dan elektrik pun ke luar-luar bandar juga Kerajaan hendaklah sentiasa memberikan tumpuan utama.

Menyentuh kemudahan-kemudahan asas di luar bandar ini, saya suka menegaskan berhubung dengan telekom. Telekom juga satu alat perhubungan yang penting. Penduduk-penduduk dalam bandar dapat menikmati penggunaan telefon ini kerana hampir dengan pencawangan rumah-rumah mereka. Jadi penggunaan pembayarannya murah sekali. Tetapi apalah halnya kepada penduduk-penduduk di luar bandar – mereka tidak mampu. Oleh itu saya berharap kepada Menteri Tenaga, Telekom dan Pos supaya merancang dan memberi peruntukan supaya dilaksanakan, dibina ibu sawat telefon ini di kampung-kampung yang jauh di luar-luar bandar bagi memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk luar bandar dan ini adalah diharapkan dengan sungguh-sungguh.

Sebagai contoh barangkali sebuah kampung yang jauh daripada bandar iaitu Mukim Ulu Jempol misalnya yang terdapat beberapa ramai penduduk-penduduk di sana yang jalannya sudah ada, api, air sudah masuk, kemudahan telefon ada, tetapi belum dapat digunakan sepenuhnya oleh rakyat di sana kerana tidak mampu hendak memasukkan telefon ke rumahnya kerana bayarannya yang tinggi oleh sebab itu sawat jauh daripada pekan.

Seperti juga perancangan letrik-letrik di luar bandar. Kalau umpamanya bekalan elektrik dapat diberikan bantuan ataupun subsidi maka saya berharap juga kemudahan telefon ini dapat dibuat sedemikian.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan satu pendekatan baru dalam konsep Persyarikatan Malaysia dan penswastaan ini, ini adalah satu perubahan dalam sistem Kerajaan kita yang mempunyai matlamat yang baik iaitu bukan sahaja Kerajaan yang bertanggungjawab tetapi adalah sama-sama dipikul oleh mereka sebagai syarikat-syarikat atau swasta-swasta.

Dalam melaksanakan dasar ini saya berharap kepada Kerajaan supaya pengawasan diadakan dengan sungguh-sungguh dan kejayaannya dapat dipastikan dengan sepenuhnya dan tidak menyeleweng ataupun diselewengkan yang boleh mendatangkan akibat atau kerugian kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya dengan sukacitanya memberi sokongan sepenuhnya atas Titah ucapan Baginda.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris.

4.38 ptg

Tuan Haji Latip bin Haji Dris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul menjunjung kasih atas

Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua dan Parlimen Keenam pada 12hb Mac, 1984.

Sebagaimana yang kita sama-sama maklum di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli meliputi pelbagai bidang dan antara lain keamanan negara, bersatu padu, bermaruah dan maju kejujuran, kerajinan, bertanggungjawab, bertimbang rasa dan amanah serta lain-lain lagi semuanya begitu penting bagi sebuah negara merdeka yang sedang membangun dan berdaulat ini. Walau bagaimanapun, saya tidak berhajat untuk bercakap panjang cuma menyentuh dua tiga perkara sahaja.

Dalam kesempatan ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga atas segala usaha Kerajaan Pusat menentukan segala dasar dan keinsafan bagi memberi keyakinan kepada seluruh rakyat di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

Saya berasa negara yang kita sama-sama cintai ini walaupun kecil, boleh dikatakan sebagai satu negara yang aman damai jika dibanding dengan beberapa negara lain. Ini bukanlah maksud saya memperkecilkan negara lain. Di masa negara kita ini mulai merdeka dahulu, banyak golongan rakyat merasa sangsi oleh kerana mereka seperti ini berpendapat tekanan komunis di dalam negara ini begitu hebat sekali waktu itu.

Saya berpendapat di atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat yang dahulu mahupun sekarang ini dapat memerintah negara ini dengan adil serta menguasai perpaduan rakyat yang berbilang kaum dan kepercayaan di seluruh negara,

dengan berkat kejujuran dan keikhlasan serta sokongan kuat dan kerjasama rakyat yang cintakan bangsa dan negara. Ini telah terbukti beberapa kali pilihanraya umum semenjak merdeka. Dari keadaan begini sudah pasti cita-cita jahat anti Kerajaan dan rasa perkauman tidak diterima oleh segolongan besar rakyat negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang kerohanian pula, pada pandangan saya muda-mudi seperti murid-murid sekolah sekarang ini adalah mempunyai banyak keuntungan di bidang pelajaran. Misalnya, di masa dahulu bagi kami di negeri Sarawak tidak diajar perkara agama di sekolah rendah mahupun menengah, tidak seperti sekarang ini di mana sekolah rendah dan menengah dan seterusnya ke peringkat universiti, guru-guru mengajar dan pensyarah agama disediakan oleh Kerajaan. Kepada saya ini adalah satu usaha Kerajaan mahupun Kementerian Pelajaran yang tepat dan kena pada tempatnya sebagai sebuah negara yang berdaulat di mana agama Islam sebagai agama rasmi negara. Apa yang saya harapkan kepada Kementerian Pelajaran khususnya bagi negeri Sarawak supaya mengambil perhatian di sekolah-sekolah rendah dan menengah tertentu di daerah luar bandar hendaklah dilengkapi dengan kerusi meja yang sempurna mahupun bangunan sekolah itu sendiri supaya perbezaan sekolah di bandar dengan luar bandar tidak begitu pincang.

Saya berharap juga bilangan penuntut-penuntut dari Sarawak hendaklah ditambah lagi bilangannya dari tahun ke setahun mendapat tempat di peringkat pelajaran tinggi ke universiti. Baru-baru ini Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri itu menimbulkan masalah kelambatan projek Universiti Pertanian Bintulu dan banyak lagi perkara yang lain untuk mendapat perhatian Kerajaan Pusat dan Kementerian yang berkenaan demi kebaikan rakyat di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak memang terkenal dengan luas kawasan tanahnya di dalam Malaysia, juga kekayaan alam semula jadi juga terdapat di Sarawak seperti minyak atau gas asli. Perkara ini semenjak masa penjajah dahulupun telah diusahakan sampai pada hari ini seperti di Bintulu dan Miri. Walaupun demikian, golongan rakyat yang kurang bernasib baik masih lagi tetap tinggal di dalam keadaan hidup lebih kurang di masa dahulu juga. Dasar Ekonomi Baru yang kita harapkan bagi mengurangkan perbezaan antara yang berada dengan yang tidak berada, khususnya peribumi belum begitu berkesan kerana kebanyakan keadaan kehidupan di desa dan luar bandar tidak begitu berubah seperti pekebun kecil, penanam padi, nelayan dan sebagainya, sedangkan masa untuk mencapai matlamatnya tidak berapa lama lagi. Adakah ini oleh kerana Dasar Ekonomi Baru itu ditumpu di kawasan yang tertentu sahaja, tidak pada keseluruhannya, memanglah jika didengar dalam ekonomi per kapita dibahagi dengan jumlah rakyat yang berada, maka dapatlah per kapita yang memuaskan seperti sekarang ini padahal sebahagian besar lagi rakyat di luar bandar seperti kami di negeri Sarawak lebih kurang seperti dahulu juga.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang perhubungan dan kerjaraya, sekarang negeri Sarawak sudah banyak jalanraya baru yang masih lagi berupa tanah dan pasir begitu sahaja, apabila masa hujan jalanraya berkenaan menjadi becak, sukar untuk dilalui oleh semua kenderaan, di masa panas pula jalanraya tersebut apabila dilalui oleh kenderaan berdebu seperti kabus tebal, beginilah keadaan sebilangan besar jalanraya di negeri Sarawak sekarang ini. Apa yang kami harapkan supaya Kerajaan Pusat memberi peruntukan yang mencukupi seberapa segera untuk memperbaiki jalanraya yang penting supaya keadaan jalanraya di Sarawak itu tidak begitu buruk seperti keadaan sekarang ini. Apabila saya teringat telah

beberapa kali disuarakan di Dewan yang mulia ini mahupun di Dewan Rakyat, saya rasa tidak kurang daripada 10 tahun sudah masalah nasib lapanganterbang kecil di Mukah di mana anggaran peruntukan telah diluluskan pada tahun 1983, malangnya tidak ada apa-apa dibuat bagi memperbaiki keadaan lapanganterbang kecil itu sampailah hari ini. Saya merayu kepada pihak yang bertanggungjawab supaya anggaran peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini hendaklah dibelanjakan kepada projek yang telah ditentukan, jangan pula diubahsuai mengikut sesuka hati pihak yang tertentu sahaja. Rakyat juga ada mempunyai mata dan telinga, kepada saya perbuatan seperti ini seolah-olah pihak yang diberi tanggungjawab tidak mematuhi anggaran peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Pusat. Ini boleh dikatakan juga tidak cekap dan amanah mentadbir apa yang telah ditentukan. Kepada saya lapanganterbang kecil itu boleh saya katakan lapanganterbang untuk masa hari panas sahaja, kerana tidak boleh diguna oleh pesawat Twin-Otter yang menggunakan lapanganterbang itu di musim hujan. Renunglah betapa hampanya perasaan para penumpang yang hendak datang dan pergi apabila sahaja penerbangan dibatalkan secara mengejut disebabkan lapanganterbang itu becak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kakitangan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, di kawasan ladang kelapa sawit di antara Mukah dan Balingan yang sekarang telah mengeluarkan hasilnya. Saya mengucapkan tahniah bukan kerana kepandaian atau pengalaman mereka, saya mengucapkan tahniah atas kesabaran hati mereka menempuh pelbagai masalah yang timbul oleh rakyat di sekitar kawasan itu sejak dari awal mulanya hinggalah akhir-akhir ini.

Pada akhir-akhir ini sebahagian daripada orang-orang yang mempunyai tanah di kawasan Ladang Lima dan

Ladang Enam di rancangan berkenaan yang belum lagi ditanam kelapa sawit telah beberapa kali menuntut bayaan pampasan harga tanah dan pokok-pokok tanaman mereka yang belum lagi dijelaskan oleh pihak berkenaan. Perkara ini telah berlarutan selama lebih kurang 10 tahun sudah. Pernah juga orang-orang yang mempunyai tanah berkenaan bercerita kepada saya tentang hasrat mereka jika pihak berkenaan tidak membayar ganti rugi atau pampasan tanah yang menjadi persoalan di dalam tahun 1984 ini, mereka sendiri akan mengusahakannya. Apabila perkara ini saya sampaikan kepada pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, saya difahamkan perkara ini telah lama dibawa ke pengetahuan pihak yang bertanggungjawab mengenai pembayaran pampasan tanah itu, malangnya masalah kewangan untuk pembayaran itu tidak diperolehi. Saya rasa sekarang telah sampai masanya pihak yang bertanggungjawab membuat keputusan supaya tidak menimbul perasaan marah kepada rakyat berkenaan.

Menyentuh di bidang perkhidmatan telefon yang semakin bertambah bilangan penggunaanya sehinggalah sampai ke peringkat daerah di luar bandar negeri Sarawak, ini memang sejajar dengan bidang pembangunan yang ada sekarang ini.

Walaupun demikian, apa yang menjadi sungutan pengguna telefon yang tertentu di daerah saya ialah tentang bayaran yang dikenakan di dalam bil telefon berkenaan ada kalanya tidak memuaskan hati sama sekali.

Misalnya di rumah seorang pelanggan telefon itu biasa menggunakan 'meter call' sebanyak \$300 pada sebulan, misalnya bulan November, tiba-tiba pada bulan Disember pula bayaran 'meter call' meningkat sampai \$700 sedangkan penggunaan telefon pada bulan November dan Disember itu dianggar tidak jauh bezanya. Selepas itu pula

pada bulan Januari, 1984 misalnya, bayaran 'meter call' telefon berkenaan berkurangan seperti biasa digunakan oleh telefon berkenaan itu sebanyak lebih kurang \$200 sebulan. Apabila pihak berkenaan di daerah itu dihubungi mengenai masalah bayaran telefon seperti yang diterangkan awal tadi, jawabnya segala bil telefon adalah dibuat di Kuching.

Apa yang menjadi tanda tanya pelanggan telefon berkenaan sekaran bolehkah pihak berkenaan membuktikan segala bayaran 'meter call' di dalam bil telefon berkenaan adalah betul, bukan kesilapan pihak yang mengeluarkan bil telefon berkenaan. Inilah menjadi keraguan pihak pengguna telefon yang terlibat ingin untuk tahu apa yang sebenarnya bagi membuktikan perkhidmatan Jabatan Telekom juga tidak kurang cekapnya memberi perkhidmatan kepada orang ramai. Janganlah apabila lambat sahaja pelanggan telefon membayar bil disebabkan kerana menunggu jawapan daripada pihak berkenaan tentang bayaran di dalam bil telefon itu tidak memuaskan, maka terus dipotong sahajalah sambungan telefon itu dengan tidak ada notis lagi, ini termasuklah di rumah kediaman saya juga kena potong sambungan telefon sehinggalah bil telefon yang tidak memuaskan hati itu dijelaskan walaupun pihak berkenaan tidak ada memberi bukti mengapa bayaran bil telefon itu tidak betul.

Saya berharap Kementerian berkenaan mengambil perhatian perkara ini walaupun perkara ini yang kecil sahaja tetapi masalah wang bayaran rakyat tentulah berkehendak segala yang betul dengan ada buktinya. Saya bercakap Jabatan Telekom di Sarawak juga tidak kurang cekapnya bagi memberi perkhidmatan untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyentuh sedikit usaha-usaha Perbadanan Pembangunan Ekonomi

Negeri Sarawak yang terlibat cara langsung di dalam berbagai bidang ekonomi di negeri itu. Di antara lain Perbadanan itu juga mengambil bahagian di dalam membuat kedai-kedai di daerah tertentu. Akhir-akhir ini satu kontrak Perbadanan ini telah mendapat tawaran bagi membuat beberapa pintu kedai batu dua tingkat di atas tanah Kerajaan di Mukah dan sekarang kerja membuatnya telah dimulai.

Di sini ingin saya mengesyorkan kepada pihak berkenaan apabila siap kedai itu nanti eloklah dijual terus kepada peniaga bumiputera yang telah berkecimpung dalam bidang perniagaan di tempat berkenaan yang mampu untuk membelinya dengan harga yang berpatutan dengan tidak mengambil untung berlebihan sangat kerana tapak tanah kedai-kedai itu adalah tanah Kerajaan supaya sejajar dengan langkah Kerajaan menggalakkan peribumi berniaga bagi melaksanakan tujuan Dasar Ekonomi Baru.

Saya berharap juga Perbadanan Pembangunan Ekonomi seperti ini mahupun agensi-agensi yang lain di Negeri Sarawak mengambil perhatian di bidang pertanian cara berkongsi dengan rakyat untuk tanaman yang boleh dieksport di samping dapat memberi hasil kepada begitu banyak tanah rakyat di luar bandar dan desa menunggu untuk diusahakan kerana rakyat sendiri tidak ada kemampuan dan pengalaman membuat cara pertanian moden yang boleh memberi hasil yang baik. Saya rasa rakyat di pedalaman tidak keberatan menyerah tanah mereka yang terbiar sebagai modal dilabur dalam usaha pertanian cara berkongsi. Saya berpendapat jika mengikut keadaan yang ada sekarang pertanian mengikut cara lama itu telah tidak sesuai lagi untuk mendapat hasil yang memuaskan untuk mencapai keadaan hidup di zaman sekarang, lebih-lebih lagi jenerasi baru mungkin tidak begitu suka untuk bercucuk

tanam mengikut cara tradisi yang kurang memberi hasil seperti getah mahupun lada hitam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pancaran TV di Mukah, Bahagian Ketiga, Sarawak melalui Saluran 8 terdapat tidak begitu memuaskan keadaannya, lebih-lebih lagi siaran TV Pendidikan untuk sekolah-sekolah sejak ianya mula dilancarkan pada tahun 1975 sampailah sekarang masih lagi tidak memuaskan. Ini amatlah mendukacitakan. Saya rasa perkara seperti ini tentulah pihak yang bertanggungjawab telah mengetahuinya. Kami ingin untuk tahu jikalau perkara ini telah diketahui oleh pihak berkenaan mahupun Kementerian yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaikinya. Apa yang saya telah difahamkan pancaran daripada Bukit Lima, Sibü untuk sampai di Mukah tidak begitu kuat kerana ianya berkeupayaan 10 kw sahaja dan penerimaan isyarat TV di Mukah itu dari stesen Bukit Lima hanya pada gred B sahaja. Saya berharap liputan TV ke Mukah dapat diatasi dengan berapa segera supaya rakyat di Mukah juga sama-sama dapat menikmati liputan TV dengan baik seperti yang dinikmati oleh rakyat di daerah-daerah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang keadaan Majlis-majlis Daerah Luar Bandar Negeri Sarawak di mana kebanyakan Majlis Daerah Luar Bandar itu menyediakan perkhidmatan asas untuk orang ramai di tempat berkenaan, walaupun demikian sebahagian daripada tanggungjawab Majlis berkenaan tidak dapat dijalankan dengan baik kerana masalah kewangan terhad, seperti memperbaiki jalan-jalan kampung dan jambatan-jambatan kecil bagi faedah rakyat di bawah kawasan Majlis Daerah itu, begitu juga untuk menyediakan kemudahan sosial dan khidmat yang lain lagi. Dari keadaan begini saya merayu kepada pihak berkenaan supaya memberi peruntukan yang lebih

lagi kepada Majlis Daerah Luar Bandar Negeri Sarawak bagi melicinkan lagi perkhidmatan yang diperlukan oleh rakyat.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya khususnya rakyat Negeri Sarawak menyokong usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kami rakyat di Negeri Sarawak terasa terhutang budi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong selama tempoh masa Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong telah sudi melawat beberapa kali ke Negeri Sarawak bagi memberi bimbingan yang berfaedah kepada rakyat yang kami tidak dapat nilaikan dengan wang ringgit, hanya kami berdoakan kepada Allah Subhanahu wa taala agar Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong sentiasa di dalam keadaan sihat wal'afiat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato Pasamanickam.

4.58 ptg.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan saya di Dewan yang mulia ini pada hari ini dengan melafazkan setinggi penghargaan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 12hb Mac, 1984 di Istiadat Pembukaan Sidang Kedua, Majlis Parlimen Yang Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku sesungguhnya telah dapat membuka mata dan telinga semua rakyat Malaysia demi untuk memperbaiki cara hidup mereka di negara kita yang makmur ini. Seri Paduka Baginda telah bertitah bahawa Kerajaan Baginda menentukan matlamat supaya negara ini sentiasa aman, bersatu padu, maju dan makmur.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Mesyuarat*)

Di sini saya ingin memberikan huraian kepada kenyataan tersebut. Kita hanya akan dapat hidup dengan aman damai seandainya kita bersatu padu oleh kerana perpaduan terbit dari sikap toleransi. Di sini saya sukalah mengingatkan di Dewan yang mulia ini akan ideologi negara kita, iaitu Rukun Negara di mana ianya telah dirangka hampir 15 tahun yang lalu. Kepercayaan kita kepada Tuhan; Kesetiaan kepada Raja dan Negara; Tingkahlaku dan moral yang baik hendaklah dipelihara pada setiap masa oleh setiap warganegara tua atau muda.

Tuan Yang di-Pertua, golongan muda yang masih di bangku sekolah dan institusi pengajian tinggi hendaklah sentiasa diberi ingatan akan nilai-nilai ideologi negara kita kerana mereka adalah warganegara masa depan negara kita. Banyak perkara perlu kita bergantung kepada mereka untuk meramalkan kedudukan masa depan negara ini. Kita tidak harus memberi tumpuan kepada pelajaran di bangku sekolah menjawab soalan peperiksaan atau mendapatkan sekeping ijazah semata-mata. Kehendak atau hasrat untuk melakukan sesuatu yang baik kepada negara hendaklah dipupuk di sanubari golongan muda ini. Lazimnya terdapat kecenderungan pada diri sebilangan belia untuk memikirkan kebajikan kaum keluarga mereka sahaja dan membiarkan yang lain-lainnya menjadi tanggung-jawab Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kelihatan di sekeliling kita, lihat dan pastikan apa masalah yang dihadapi oleh jiran tetangga atau sahabat handai kita. Lakukanlah apa yang terdaya untuk menyelesaikannya, jika tidak kesemuanya sekurang-kurangnya sedikit sebanyak dapat juga memberi bantuan untuk mengatasi masalah itu. Dengan demikian, kita benar-benar dapat membantu masyarakat untuk mengharungi hidup yang lebih baik. Keharmonian kaum dapat dipupuk dan dibina sekiranya sikap permusuhan

dapat dielakkan. Cara hidup generasi tua hendaklah dijadikan contoh yang patut diikuti oleh generasi muda. Kegiatan-kegiatan mereka hendaklah ditumpukan ke arah meninggikan imej Rukunegara supaya kita dapat memastikan bahawa contoh-contoh yang baik bukan sahaja ditunjukkan tetapi hendaklah juga diikuti.

Tuan Yang di-Pertua, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga telah menyebut tentang sikap atau semangat dedikasi dalam mencapai matlamat yang ditetapkan oleh Kerajaan Baginda bagi mewujudkan satu pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah. Seri Paduka Baginda telah juga menekankan bahawa nilai-nilai ini tidak akan bermakna sekiranya ia tidak diamalkan.

Di samping mengharap, terdapat sejumlah besar kakitangan yang mempunyai sikap dedikasi dan bertanggungjawab bagi membantu mewujudkan Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah, saya juga ingin menyatakan di sini agar MAMPU hendaklah memberi tumpuan terus kepada kes-kes kakitangan Kerajaan yang wajar diberi pujian atau penghargaan. Dengan kerjasama Kementerian dan Jabatan-jabatan, MAMPU perlukan menggalakkan lebih banyak penganugerahan sijil-sijil penghargaan.

Saya telah mendengar sebilangan kecil sahaja kakitangan yang menerima penghargaan di atas kecemerlangan khidmat mereka. Lebih banyak anugerah atau penghargaan bermakna lebih ramai kakitangan yang berkhidmat dengan cemerlang dan ini bermakna Kerajaan yang baik. Sekiranya kakitangan Kerajaan tidak diberikan penghargaan yang sewajarnya mereka akan menjadi kecewa. Kekecewaan adalah merupakan penyakit yang merbahaya bagi kakitangan yang telah berada di kemuncak kerjaya mereka. Perasaan kecewa ini hendaklah dikawal dan jika perlu dibasmi.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga telah menarik perhatian bahawa sekiranya kita tidak mempunyai semangat kuat bekerja kita akan ketinggalan dalam segala segi. Sekiranya kita gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab kita bersama yang diamanahkan maka kita akan dipersalahkan oleh generasi kita yang akan datang.

Perlu saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa nasihat yang datangnya dari Ketua Negara kita yang tercinta ini adalah amat bernilai sekali dan apa yang boleh kita lakukan sebagai warganegara yang setia ialah dengan melihat kepada diri kita sendiri dan bertanya sama ada kita telah bekerja kuat atau sebaliknya. Kita hendaklah juga bertanya kenapa kita tidak tekun. Sekiranya jawapan kita itu ialah kerana kita berihat di atas kejayaan yang dicapai maka kita berada di haluan yang salah. Mulai sekarang kita perlulah bersikap lebih progresif. Janganlah kita semata-mata hidup dengan kekayaan yang ditinggalkan nenek-moyang kita dan tidak sebaliknya meninggalkan sesuatu untuk generasi akan datang. Kita hendaklah menambahkan kekayaan kita. Sekiranya kita tidak mempunyai kekayaan, kita hendaklah menyalahkan diri kita sendiri kerana telah tidak bekerja kuat maka itulah sebabnya kita ketinggalan di belakang. Ketekunan, kerajinan yang dapat menyelesaikan segala-galanya bukan sahaja di pejabat malahan juga di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh pemerintahan Seri Paduka Baginda negara ini sentiasa berada dalam aman damai. Di bawah pemerintahan Baginda jugalah pemindahan kuasa dari Tun Hussein Onn kepada Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad berlangsung dengan aman. Berikutan dengan pengambilalihan ini berbagai perubahan untuk kebaikan telah dilaksanakan dengan jayanya. Malahan kelembapan ekonomi telah

dapat diselesaikan supaya projek-projek pembangunan yang penting seperti jambatan Pulau Pinang, Lebuhraya Utara Selatan adalah sedang dalam pembinaan. Juga kemajuan di bidang pendidikan dan pembangunan kebudayaan telah ditumpukan untuk mencapai perpaduan negara. Pemerintahan Seri Paduka Baginda akan sentiasa diingati sebagai pemerintahan yang penuh dengan kebahagiaan dan kemakmuran. Hubungan mesra Seri Paduka Baginda dengan rakyat jelata adalah sesuatu yang tidak dapat dilupakan. Saya berdoa semoga Baginda sentiasa berada di dalam kemakmuran, kebahagiaan dan panjang umur.

Sering diperkatakan bahawa kesihatan itu adalah merupakan kekayaan Malangnya dengan penutupan secara mengejut Unit Pembedahan Jantung Hospital Universiti, Petaling Jaya telah menimbulkan kebimbangan kepada negara khususnya para pesakit Jantung. Kenapa ini harus berlaku di ketika keadaan penyakit jantung semakin meningkat? Ke manakah pesakit-pesakit jantung yang miskin akan pergi untuk mendapatkan rawatan? Saya tahu para pesakit yang kaya telah dan akan pergi ke Amerika Syarikat atau United Kingdom untuk mendapatkan rawatan. Saya percaya keadaan ini dapat diselamatkan sekiranya Kementerian Kesihatan mengambil perhatian kepada sungutan daripada Ketua Unit tersebut dan juga orang ramai. Kenapa kita harus menunggu sehingga keadaan buruk ini berlaku dan siapa yang beroleh keuntungan? Pihak sebaran am terutama pemberita akhbar adalah sebenarnya yang mendedah atau mempebesarakan isu ini, tetapi kita juga perlu berterima kasih kepada mereka kerana mereka maklumkan sesuatu demi kebaikan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah ini menjadi satu pengajaran kepada kita semua. Kita janganlah menunggu tetapi sebaliknya memikirkan sesuatu untuk menyelesaikan keadaan. Dengan yang

demikian kita akan dapat mengelakkan imej Kerajaan dari terjejas. Kakitangan awam hendaklah sentiasa memberi maklumat kepada ahli politik supaya sebarang keadaan buruk dapat dielakkan. Sistem sijil terbuka Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia masih lagi mengelirukan orangramai. Lanya kini amat dirasai apabila kemasukan ke universiti-universiti dibuat.

Oleh kerana kita masih tergolong dalam negara yang mengutamakan keperluan sijil, kita perlulah berhati-hati dalam isu ini. Kebocoran soalan-soalan peperiksaan tahun lepas telah memberikan tanggapan atau gambaran yang buruk terhadap Majlis Peperiksaan Malaysia dan kini isu ini telah ditimbulkan. Saya berharap Majlis berkenaan akan mengambil langkah-langkah untuk menjelaskan kepada orangramai berhubung dengan sistem sijil terbuka. Kebaikan sistem ini hendaklah difahami bukan sahaja oleh para pelajar tetapi juga oleh para ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bulan November tahun lepas, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Datuk Abdullah bin Ahmad Badawi, mengumumkan bahawa pegawai-pegawai Kumpulan B hanya perlu mempunyai beberapa tahun perkhidmatan untuk meningkat ke Kumpulan A. Tetapi malangnya, sehingga hari ini beliau belum lagi menetapkan berapakah jumlah tahun yang diperlukan. Oleh kerana Suruhanjaya Perkhidmatan Awam amat menitikberatkan tentang jumlah tahun sebenar dalam perkhidmatan untuk melangkah ke setapak lagi ke Kumpulan A.

Sejumlah besar para pegawai dari Kumpulan B tidak boleh memohon bagi jawatan Kumpulan A. Pada masa ini jumlah perkhidmatan selama tujuh tahun adalah dikehendaki untuk memasuki jawatan Kumpulan A. Kita mestilah terlebih dahulu menyediakan butir-butir sebelum membuat pengumuman. Ini apa yang terjadi ialah

pengumuman telah dibuat dan tidak ada tindakan dilakukan sebagai misalan dalam kes ini pengumuman telah dibuat di dalam akhbar-akhbar dalam bulan November tahun lepas, dan kini kita berada dalam bulan April, hampir setengah tahun berlalu dan tiada apa-apa tindakan. Dengan ini ramai daripada para pegawai Kumpulan B berada di dalam kekecewaan. Mereka tidak memiliki Diploma atau Ijazah tetapi menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam tugas harian mereka.

Kerajaan baharu kita berulang kali memberikan jaminan kepada para pegawai yang menunjukkan prestasi yang cemerlang akan diberi kenaikan pangkat, tetapi apa yang terjadi ialah pegawai-pegawai ini masih lagi berada di paras gaji maksima selama bertahun-tahun. Adalah diharapkan mereka ini akan diberikan pengiktirafan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, guru-guru sekolah yang mempunyai kelayakan OSC atau SPM hendaklah diletakkan dalam kumpulan B apabila mereka diarahkan menjalankan tugas-tugas di lain-lain bahagian dalam Kementerian Pelajaran. Mereka ini terus berada di dalam Kumpulan C dan hanya diberikan satu atau dua kenaikan gaji.

Guru-guru di Radio dan TV pendidikan masih lagi di dalam Kumpulan C. Saya difahamkan bahawa kes mereka telah sama sekali ditolak oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (Perunding). Mereka merasakan bahawa mereka wajar diletakkan di dalam Kumpulan A oleh kerana mereka menjalankan tugas-tugas menerbit di RTM yang berada dalam Kumpulan A. Bayangkanlah betapa keciwanya mereka apabila kes mereka di tolak walaupun mereka telah menjalankan perkhidmatan semenjak tahun 1982.

Kerajaan seharusnya dapat menyelamatkan keadaan dengan meletakkan mereka dalam kategori B. Begitu juga guru-guru yang berkhidmat dalam

Jabatan Pelajaran Negeri mendapat gaji yang lebih baik tetapi terus berada di dalam kategori C. Mereka tidak boleh kembali ke bilik darjah oleh kerana pengalaman mereka adalah amat diperlukan untuk menjalankan tugas mereka seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya sukacita mendapat tahu bahawa Kerajaan akan memperkenalkan sistem pengangkutan yang lebih baik dengan menyediakan lebih banyak bas-bas mini untuk membawa kakitangan Kerajaan dari rumah mereka ke tempat bekerja. Bas ini kita dapat tahu daripada negara asing yang sebelah negara kita.

Sistem ini akan dilaksanakan dalam bulan Jun tahun ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pekerja-pekerja yang terpaksa keluar rumah lebih awal kira-kira pukul 5.00 untuk mendapatkan bukan sahaja sebuah, malahan dua, atau tiga buah bas untuk tiba ke pejabat pada waktunya.

Pelaksanaan sistem ini sudah pasti dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para pekerja. Dengan itu mereka boleh membuat kerja-kerja lain yang lebih berfaedah di rumah sebelum keluar bekerja.

Saya harap sistem ini menggalakkan pegawai-pegawai meninggalkan kenderaan mereka di rumah dan ini akan menghindarkan atau setidak-tidaknya mengurangkan berlakunya kesesakan lalulintas. Sungguh membosankan sekali melihat keadaan seorang pegawai memandu kereta berseorangan padahal empat atau lima boleh bersama-sama menaiki kereta tersebut demi untuk menjimatkan minyak dan mengurangkan kesesakan lalulintas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong dalam ucapannya yang diadakan pada 12hb. Mac 1984. Sekian, terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan K. Kumaran.

5.19 ptg.

Tuan K. Kumaran: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong serta merakamkan ribuan terima kasih ke atas Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang penuh semangat itu semasa pembukaan rasmi Mesyuarat pertama, penggal kedua Parlimen Keenam baru-baru ini.

Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah serta mengucapkan ribuan terima kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan tamat tempoh perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong tidak lama lagi.

Selama tempuh perkhidmatan Baginda, Baginda telah berusaha meningkatkan lagi prestasi kehidupan serta sosio ekonomi rakyat negara ini. Minat Baginda dalam bidang sukan telah meninggikan lagi mutu sukan di dalam negara ini.

Saya bagi pihak seluruh rakyat keturunan India di negara ini mendo'akan agar Baginda dilanjutkan usia dan direstui dengan segala serbanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong langkah Kerajaan untuk menyerapkan nilai-nilai mulia seperti kejujuran, kerajinan, dedikasi, bertanggungjawab, bertimbangrasa dan beramanah bagi mewujudkan pentadbiran yang lebih bersih, cekap dan amanah. Saya berharap nilai-nilai yang mulia ini dapat diamalkan oleh setiap lapisan rakyat di negara ini dengan sepenuhnya agar menghasilkan pentadbiran yang lebih lancar dan kehidupan yang lebih bahagian, walaupun negara mengalami kesan buruk akibat kemelesatan ekonomi dunia.

Saya merasa gembira bahawa ekonomi negara akan terus berkembang akibat pemulihan ekonomi dunia yang sedang berlaku sekarang. Paras harga getah, kelapa sawit, koko dan kayu kayan telah beransur baik. Kenaikan harga barangan utama ini telah menambahkan pendapatan rakyat dan negara. Sungguhpun begitu saya amat kesal dan berasa dukacita melihat segolongan peniaga yang manipulasikan keadaan ekonomi dan pasaran barangan utama untuk kepentingan sempit mereka dan menjatuhkan imej negara di pasaran antarabangsa.

Kekecohan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur baru-baru ini adalah satu pengajaran kepada kita. Tuan Yang di-Pertua, kesan kekecohan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur yang membabitkan perdagangan minyak sawit mentah semakin menular. Pada mulanya hanya peniaga-peniaga besar sahaja yang nampaknya terperangkap dalam pasaran yang kucar-kacir dan hampir lumpuh itu. Kita tidak sangat bersimpati dengan mereka kerana kita yakin mereka mempunyai penuh pengetahuan mengenai risiko pasaran 'futures' dan tahu apa yang dilakukan di Bursa Komoditi Kuala Lumpur itu tetapi apabila peneroka FELDA, guru-guru, kerani, petani dan sebagainya yang jahil mengenai selok belok pasaran futures turut terbabit, saya berpendapat itu sudah keterlaluan dan ingin saya bertanya apakah sudah jadi dengan janji-janji manis bahawa pengujudan pasaran ini akan membawa kebaikan kepada negara dan rakyat? Mereka dipujuk oleh orang-orang tertentu untuk melabur dalam pasaran tersebut walaupun pasaran itu tidak begitu cerah. Akibat kekecohan di Bursa Komoditi itu peneroka-peneroka FELDA dan lain-lain orang yang disebutkan tadi telah kehilangan wang pelaburan mereka kira-kira \$2 juta. Ini adalah satu perkara yang sangat memalukan dan apa yang berlaku di pasaran tersebut ialah satu penipuan dan pengkhianatan. Mereka kehilangan

wang mereka yang dijamin bertahun-tahun dengan sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih mendukacitakan kita ialah sebahagian besar firma yang menjalankan taktik kotor itu ialah tajaan rakyat di negara ini sendiri yang terdiri daripada orang-orang kenamaan yang selalunya mereka mencari pelanggan-pelanggan dan menjanjikan keuntungan yang lebih besar dalam sekelip mata tetapi menyembunyikan hakikat perdagangan futures mempunyai risiko yang tinggi.

Rakyat biasa juga turut terlibat dalam kekecohan itu kerana mereka terpaksa membayar harga yang tinggi bagi minyak masak. Harga minyak masak melambung naik. Bursa Komoditi Kuala Lumpur turut tidak dapat menunaikan kontrak-kontrak penjualan dan pembelian kerana ada pihak yang manipulasikan pasaran itu. Masanya sudah tiba bagi Kerajaan yang menajakan Bursa Komoditi itu dengan tujuan yang suci bertindak memastikan ia tidak lagi dijadikan gelanggang menunjukkan gagah dan kuasa kewangan untuk peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Saya khawatir yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran. Kegiatan spekulasi yang berlebihan hendak diberhentikan. Saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan meneliti ke akar umbinya masalah ini serta menggubal undang-undang yang lebih ketat lagi untuk mengontrol operasi pasaran futures ini.

Jika kekecohan ini berterusan bukan sahaja pihak yang terbabit akan menderita, imej Kuala Lumpur sebagai pusat dagangan komoditi juga akan dipersendakan. Saya khawatir perkara begitu akan dieksploitasikan oleh anasir-anasir anti nasional dan komunis untuk kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, dasar luar negeri kita adalah benteng hadapan pertahanan negara. Kita juga berazam memperkuatkan rantau ini sebagai kawasan aman, bebas

dan berkecuali. Tetapi tingkah laku dan tindakan Vietnam dan Russia tidak langsung menjamin kestabilan dan keamanan rantau ini. Mereka tidak langsung mencarum bagi penyelesaian politik secara aman dalam soal Kampuchea. Pendirian ASEAN atas soal Kampuchea adalah kukuh. Negara-negara ASEAN mengiktirafkan Kerajaan Campuran Putra Norodom Sihanouk yang diakui sah oleh Bangsa-bangsa Bersatu. Malaysia juga menyokong pendirian ASEAN bahawa semua tentera asing hendaklah dikeluarkan dari Kampuchea serta rakyat Kampuchea hendaklah diberi kuasa untuk menentukan masa depan mereka. Tetapi Vietnam seperti yang saya sebutkan dalam beberapa ucapan di Dewan yang mulia ini tidak langsung mahu aman dan damai di rantau ini. Mereka bukan sahaja mencerobohi Kampuchea tetapi kini mencerobohi negara Thai. Tindakan ini hendak dikutuk dengan sekeras-kerasnya. Mereka tidak langsung menarik balik 180,000 askar Vietnam di Kampuchea dan tidak mahu datang ke meja perundingan untuk mencari kedamaian di rantau ini. Bagaimanakah rantau ini boleh menjadi kawasan aman, damai dan berkecuali dengan adanya, dengan izin, "international terrorist" seperti Vietnam itu? Vietnam kini sudahpun mencerobohi Thailand dengan alasan memburu dan menawan askar-askar Khmer Rouge di sempadan Thailand - Kampuchea. Ini adalah tipu helah mereka untuk mencerobohi Thailand. Saya khawatir jika perkara ini tidak dikutuk dengan sekeras-kerasnya mereka akan menggunakan alasan yang sama untuk mencerobohi negara kita dan mencapai hasrat mereka mencerobohi Malaysia.

Seperti sedia maklum, Vietnam juga mempunyai sokongan kuasa besar seperti Russia yang memperalatkan Vietnam dalam permainan kuasa di rantau ini. Saya dengan sekeras-kerasnya mengutuk tindakan helikopter Russia yang datang mengintip di Pantai Terengganu baru-baru ini. Ini membuktikan mereka tidak langsung

menghormati sovereignty sesebuah negara dan kita hendaklah bersedia menentang Russia berhabis-habisan. Saya rela berkorban untuk menjamin dan mempertahankan kedaulatan dan sovereignty negara yang saya cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha Kerajaan dalam melibatkan semua lapisan masyarakat daripada murid-murid sekolah sehingga orang-orang dewasa dalam aktiviti sukan agar memelihara kesihatan, mempereratkan perpaduan kaum dan meninggikan pencapaian sukan di peringkat antarabangsa. Tetapi apa yang sedang berlaku adalah amat mendukacitakan. Pencapaian pasukan-pasukan sukan Malaysia di gelanggang sukan antarabangsa amat merosot dan dikecewakan. Pencapaian di peringkat antarabangsa tidaklah memberi gambaran bahawa negara ini sebuah negara sukan yang gagah seperti pada tahun 1960-1970an.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat kebangsaan pun mutu sukan makin merosot. Kini pemain kita telahpun hilang 'sporting spirit' yang dibuktikan selama ini. Mereka kini ingin menang sahaja tanpa hiraukan undang-undang, dengan izin, win at all cost. Akibat semangat kesukanan yang negatif begini kita lihat pemain-pemain bergaduh dan bertumbuk di gelanggang permainan. Bukan sahaja kita lihat pemain bergaduh dan bertumbuk, kita juga lihat pegawai-pegawai sukan pun turut bertengkar mempertahankan pemain-pemain mereka. Sebagai puncak kepada kemerosotan semangat kesukanan, baru-baru ini terdapat pegawai-pegawai sukan menghasut pemain, dan penyokong-penyokong menyerang pasukan opposition mereka. Padang bola sepak telahpun menjadi gelanggang tinju. Apa yang lebih mendukacitakan ialah pengadil yang mengadil perlawanan itu pun turut dipukul dan dimarah jika mereka tidak mengikut kehendak pemain-pemain dan penonton- penonton walaupun mereka mengikut kehendak undang-undang permainan. Semangat-semangat

negatif begini hendaklah dikikis semasa mereka masih berusia kecil lagi. Kalau tidak, saya khuatir semangat begini akan dibawa ke dewan dan digunakan dalam arena politik, sosial dan kebudayaan untuk merebut kuasa dan menang. Belia-belua dan murid-murid sekolah kita hendaklah diberi semangat kesukanan yang positif agar asas-asas perpaduan dipupuk dalam negara kita yang berbilang kaum ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan bermakna belia-belua kita tidak langsung mempunyai semangat kesukanan yang positif. Pendakian Gunung Kala Pattar di Banjaran Himalaya oleh serombongan pendaki Malaysia baru-baru ini dan pekelilingan dunia dengan basikal oleh serombongan belia Malaysia adalah kegiatan yang positif dan dalam perspektif yang betul. Kegiatan-kegiatan seperti ini amat sesuai dengan semangat dan sikap baru yang sedang diserapkan ke dalam masyarakat Malaysia sekarang. Kita bukan sahaja mahu rakyat Malaysia bekerja kuat dan berdisiplin tetapi berani menahut cabaran semasa untuk melakukan sesuatu yang membuktikan kekecohan semangat, keberanian dan ketulusan cita-cita. Dengan semangat, keberanian dan ketulusan cita-cita. Dengan semangat yang samalah serombongan pendaki Malaysia baru-baru ini mendaki Gunung Kala Patta di Banjaran Himalaya. Walaupun kejayaan mereka tidak mendapat perhatian dunia, bagi Malaysia saat itu amat bersejarah. Ini membuktikan bagaimana kita mampu mengikut jejak bangsa lain ke mercu kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, semangat berani mencuba beginilah yang hendak kita semai melalui kegiatan seperti ini. Semangat ingin mencari kejayaan dan menguasai ke suatu yang sukar inilah yang menjadikan sesuatu bangsa itu gigih dan tingginya daya pencapaiannya. Rakyat Malaysia daripada berbagai keturunan terkenal dengan kecekalan semangat masing-masing. Malangnya golongan alam sekitar

yang damai dan kemajuan ekonomi yang pesat menyebabkan ramai rakyat negara ini menjadi manja, tidak bermaya dan lemah daya pemikiran. Semakin ramai orang muda yang tidak lagi mempeduli pencapaian diri asalkan mereka mendapat kerja yang selesa dan gaji yang lumayan. Semangat berlumba-lumba hampir pupus. Kekeciwaan dan putus asa berleluasa kerana hidup tidak lagi berteraskan semangat dan kegigihan. Dadah dijadikan jalan keluar yang singkat. Aliran inilah yang hendak dibentasi dan seterusnya diubah oleh Kerajaan melalui kegiatan bina semangat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi semangat keberanian dan simpatetik yang ditunjukkan oleh Kerajaan dan dapat dipuji oleh seluruh dunia adalah kegiatan menyelamatkan beberapa ekor gajah dan binatang-binatang liar yang lain di Ampangan Kenyir baru-baru ini. Kita diberi peluang untuk membuktikan kita bersimpati walaupun dengan binatang sekali pun. Usaha-usaha berani dan semangat pengorbanan pegawai-pegawai yang turut terlibat dalam penyelamatan gajah-gajah ini patut dipuji. Walaupun tiga ekor gajah telahpun mati dalam operasi ini tidak ada sebarang komplikasi, kerana operasi penyelamatan ini tidak mempunyai precedent. Oleh yang demikian apa yang kita membuat ini akan menjadi pengajaran dan pelajaran kepada orang-orang lain dalam menyelesaikan situasi begini. Penyelamatan gajah-gajah dan lain-lain binatang ini bukan sahaja satu kejayaan kepada binatang-binatang terlibat tetapi bagi seluruh makhluk manusia. Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada pegawai-pegawai yang turut terlibat dalam operasi gajah ini. Saya harap kegiatan seperti ini dapat diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan masalah setinggalan. Masalah setinggalan bukanlah satu yang baru bagi bandar-bandar

besar di Malaysia. Bandar-bandar besar hari ini diganggap 'Kota Syurga' yang boleh memberi kesenangan dan kebahagiaan kepada semua orang menjadi tumpuan penghijrahan sejak lebih dua dekad. Setiap penoreh getah, buruh, lepasan sekolah yang mendapati sukar mencari sara hidup di tempat masing-masing sudah pasti menghala pandangannya ke bandar-bandar besar ini. Setengahnya datang sehelai sepinggang tanpa pekerjaan dan tempat tinggal. Di kota besar ini pula mereka mengalami kehidupan yang amat kurang selesa. Dari segi perumahan, mereka mengalami kekurangan tempat tinggal dan muncullah kawasan-kawasan sesak dan perkampungan setinggan yang bertaburan di sekitar kota. Taraf kemudahan asas dan kebersihan di kebanyakan kawasan setinggan ini lazimnya lebih teruk daripada di kampung-kampung tradisional yang ditinggalkan. Walaupun Kerajaan terus berusaha menempatkan mereka di kawasan-kawasan perumahan kekal kesannya tidak begitu ketara bagi setiap keluarga yang diberikan tempat tinggal kekal. Banyak lagi yang datang menghuni di kawasan ini. Proses penggantian ini kadangkala menjadi amat mudah kerana rumah-rumah setinggan ini tidak dirobah. Dalam keadaan yang tidak teratur dan serba mendesak ini sudah tentu ada pihak yang mengambil kesempatan. Ada di antara mereka membina dan menyewakan rumah-rumah haram untuk meninggikan taraf ekonomi mereka. Kebanyakan setinggan tinggal di rumah sewa. Perkara ini tidaklah sihat. Pembinaan-pembinaan rumah haram inilah yang selalunya bertopeng kepentingan setinggan dan menjadi jaguh. Anasir-anasir politik juga turut terbabit kerana setinggan ini mejadi kuasa politik. Mereka tidak suka melihat Kerajaan membawa perubahan yang teratur kepada masyarakat setinggan ini. Isu setinggan ini dijadikan modal politik oleh jaguh setinggan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham

tugas Kerajaan mengatasi masalah setinggan sememangnya sukar. Campur tangan negatif daripada pihak yang menanggung di air keruh ini merumitkan lagi masalah itu. Tetapi Kerajaan janganlah bertindak secara keterlaluan dan tergesa-gesa dalam menghadapi masalah ini. Sebarang perobohan rumah hendaklah dilakukan hanya selepas kajian terperinci dan mengambil kira dasar berperikemanusiaan. Kerajaan hendaklah menggubal satu polisi kebangsaan seragam bagi semua negeri supaya mempunyai Undang-undang Kanun Tanah yang standard. Dengan adanya dasar pendudukan yang baru masalah perumahan adalah sektor utama yang menjamin kejayaan dasar ini. Kita perlu melindungi pertambahan penduduk yang Kerajaan idam-idamkan itu.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

Tuan K. Kumaran: Saya hendak habis, Tuan yang di-Pertua. Dalam usaha pembangunan negara, peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam konteks persyarikatan Malaysia dan penswastan menyampai matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah dibanggakan. Akan tetapi kita hendaklah berjaga-jaga dalam pemberian kontrak kepada kontraktor-kontraktor luar negeri agar mereka tidak menopolikan kontraktor-kontraktor pembinaan dalam negeri.

Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul Ucapan Terima Kasih ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat tahu berapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, kalau dapat diberi tahu kepada saya jadi dapat saya mengaturkan masanya. Kita pada hari ini cuma menghabiskan ucapan kita sampai 7.30 malam ini. Saya tidak hendak melarang Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap panjang kalau tidak ramai Ahli Yang

Berhormat yang hendak berucap, tetapi kalau ramai Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap terpaksa saya menetapkan masanya selama 10 atau 15 minit. Jadi, harap beri tahu kepada Setiausaha berapa orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhajat hendak menyampaikan ucapan pada petang ini.

Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Jasni.

5.43 ptg.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keenam pada 12hb Mac, 1984 yang lalu, sambil memberikan penghargaan tinggi atas Titah Ucapan Baginda.

Lafaz Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu jelas menggambarkan haluan yang dituju oleh negara kita, jelas membayangkan hasrat dan aspirasi Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad untuk dijadikan Malaysia sebuah negara yang setanding dengan negara-negara maju yang lain, kalau pun tidak setanding ia tidaklah terlalu hina di mata dunia seperti negara-negara yang tamadunnya lebih tua dari Malaysia tetapi disenaraikan sebagai negara yang terlalu parah dengan hutangnya.

Di dalam Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat kita fahamkan bahawa untuk sampai ke matlamat di mana Malaysia sebuah negara maju yang boleh kita banggakan dan disanjung oleh negara lain sistem masyarakat, sistem pemerintahan haruslah melalui satu proses pembaharuan dan pembetulan iaitu kita meninggalkan kelaziman yang merugikan membudayakan masyarakat dan Kerajaan kepada kerja kuat kepada

kejujuran, kepada tanggungjawab, dedikasi dengan sikap bersih luar dan dalam serta cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Musa Hitam dalam *Berita Harian* hari ini menyatakan, keseimbangan ekonomi tidak akan tercapai antara kaum kalau anak-anak bumiputera atau anak-anak peribumi tidak menukar budaya kerja mereka. Apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat itu memang tetap. Anak-anak muda yang berkumpul dua tiga kali sebulan di bawah pohon, di bawah pokok-pokok kayu bersajak dan berangan-angan akan dapat merubah keadaan, penderitaan dan kemiskinan akan berterusan. Anak-anak muda ini hendaklah ditaburkan di segenap lapangan pertanian, perindustrian, perniagaan, di bengkel-bengkel, di kilang-kilang dan di mana juga terdapat aktiviti yang boleh mengisi hidup seperti lakunya anak-anak muda keturunan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad adalah Kerajaan yang berasas kepada pemikiran inovatif yang cuba menentu dan memperkenalkan arah-arah baharu yang hendak dituju dan menghendaki sikap kita terutamanya sikap peribumi, mengamalkan sikap yang positif sehingga setiap ucapan para pemimpin kita terutamanya pemimpin-pemimpin Kerajaan sentiasa diselitkan berbagai nasihat, memaparkan kelemahan-kelemahan kita, membongkarkan keburukan-keburukan kita dan lain-lain seumpama itu. Di samping kita bersetuju bahawa inilah yang harus pemimpin kita lakukan dalam proses memperbaiki dan menyusun semula masyarakat kita, masyarakat peribumi, masyarakat bumiputera tetapi harus kita jangan lupa setiap sesuatu tidaklah harus dilakukan secara berlebih-lebihan (*overdo*). Rumah yang terlalu dihias bukan menampak cantiknya tetapi akan menyakitkan mata memandang. Bersolek bagi wanita adalah menambahkan cantik tetapi kalau solek

terlalu berat maka wanita yang cantik akan menjadi patung.

Demikianlah juga dengan tujuan kita untuk membetulkan masyarakat, membetulkan pegawai-pegawai Kerajaan kita, kalau di buat secara berlebihan hasil yang kita harapkan tidak akan tercapai malahan bumiputera atau peribumi, pegawai-pegawai Kerajaan akan mengenal diri mereka terlalu di hina maka perasaan rendah diri, jatuh maruah menjadikan mereka satu masyarakat, satu bangsa yang kerdil nanti. Nasihat-nasihat akan tidak memberi kesan lagi (immuned), mereka tidak akan mendengar nasihat-nasihat itu lagi.

Sebagai contoh, dahulu di Sabah orang-orang yang bukan bumiputera berebut-rebut menggunakan nama bumiputera itu di dalam nama-nama atau di dalam syarikat-syarikat perniagaan mereka, misalnya bengkel bumiputera, bumiputera itu, bumiputera ini tetapi akhirnya nama bumiputera itu secara tidak disedari telah ditukar, telah diganti atau telah hilang kerana seolah-olah mereka merasakan cap bumiputera itu sudah tidak semanis dan tidak seindah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, penyakit demoralise ini kalau sudah terlalu parah susah diselamatkan. Orang akan hilang semangat, orang akan tidak bersemangat. Janganlah kita sampai kepada tahap di mana bumiputera menukarkan identitinya untuk menghilangkan penghinaan seperti lakunya dengan orang-orang Maory di New Zealand nama-nama asli mereka seperti Rocky Alca dan sebagainya bertukar menjadi James Brown semata-mata kerana identiti Maorinya itu difikirkan kurang menjamin kedudukannya dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara semenjak merdeka adalah kerana perpaduan, persefahaman rakyat yang terdiri dari semua kaum dan persefahaman itu menjadikan negara kita stabil, kita tenteram, kita maju. Maka perjuangan untuk menyatupadu-

kan penduduk semua kaum di negara ini hendaklah diberi perhatian utama kerana keutuhan kita bergantung kepada perpaduan itu. Sebagai yang kita harapkan penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan itu akan dapat mempercepatkan perpaduan nasional supaya jurang pemisahan Laut China Selatan dengan Sabah dan Semenanjung akan tidak terlalu terasa dan hasrat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri kita dan Yang Amat Berhormat Dato' Haris Salleh, Ketua Menteri Sabah akan terlaksana untuk menjadikan Labuan sebagai pusat perhubungan yang merapatkan Sabah dengan Semenanjung. Sesungguhnya kalau pun penubuhan Wilayah Persekutuan Labuan itu bukan satu pengorbanan dari Sabah sekurang-kurangnya ia merupakan satu sumbangan terhadap kepentingan integrasi nasional untuk Kesejahteraan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, soal integrasi, soal perpaduan tidaklah mencukupi dengan hanya memperhebatkan seminar-seminar, ucapan-ucapan, tulisan-tulisan, rencana-rencana di akhbar-akhbar atau di majalah-majalah tentang bagaimana kita melaksanakan perpaduan Kebangsaan dengan berkesan melainkan disertai dengan pengorbanan dan keikhlasan yang dibuktikan oleh perbuatan. Dengan menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, kita harapkan ia merupakan suatu pelaksanaan integrasi yang dapat memberi kesan. Setelah Labuan menjadi Wilayah Persekutuan, kita harap juga akan diikuti pula dengan tindakan-tindakan lain seperti menurunkan tambang kapal terbang antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung supaya lebih ramai penduduk Sabah dan Sarawak dapat menikmati keindahan ibukota kita di Kuala Lumpur ini dan negeri-negeri di Semenanjung. Demikian pula saudara-saudara di Semenanjung ini akan sama dapat menikmati keindahan, kenyamanan udara Gunung Kinabalu yang menjadi kebanggaan kita. Dengan cara ini kita tidak merasa asing antara

satu sama lain, kita dapat meningkatkan persefahaman, dapat melahirkan rasa hormat menghormati sesuai dengan kata pepatah: "Tak kenal maka tak cinta".

Tindakan-tindakan Kerajaan untuk memperhebatkan program integrasi seperti mengadakan hubungan feri antara Semenanjung dan Sabah, ura-ura menubuhkan sebuah Kementerian yang menitikberatkan soal pelaksanaan integrasi adalah baik dan dialu-alukan dan sekiranya ura-ura itu menjadi kenyataan, saya suka mencadangkan agar kakitangan Kementerian itu datang dari berbagai kaum dan dari negeri-negeri termasuklah Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pelaksanaan perpaduan dan integrasi nasional ini, saya sukalah mencadangkan pengirisan belia-belia untuk mendapatkan latihan kerjaya di Jepun atas dasar kita Memandang ke Timur hendaklah diambil juga dari negeri-negeri termasuklah Sabah dan Sarawak. Cara ini akan menghasilkan perpaduan yang lebih berkesan dan rasa persaudaraan yang lebih erat.

Saya juga mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, bagi memperhebatkan lagi kempen perpaduan nasional ini, semua Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara hendaklah menjadi penumpang pertama feri Malaysia yang akan belayar dari Kuantan ke Sarawak dan ke Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua: Harap feri itu boleh selamat.

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang audit.

Kita semua mungkin sudah membaca akhbar *The New Straits Times* pagi ini di mana Ketua Audit Negara menyatakan agensi-agensi Kerajaan yang menerima pemberian atau pinjaman dari Kerajaan adalah tertakluk kepada pemeriksaan pihak Audit sekiranya Yang di-Pertuan Agong mengarahkannya. Nampaknya agensi-agensi Kerajaan yang menerima

berbillion ringgit pinjaman dari Kerajaan seperti tahun lalu \$6.7 billion dan tahun ini akan meningkat \$8.9 billion belum diaudit atau mungkin tidak diaudit. Di sini wang rakyat terlibat, wang negara terlibat. Kalau kita mahu mempraktikkan amalan Cekap, Bersih dan Amanah; kira-kira agensi-agensi Kerajaan tersebut patutlah dan mestilah diperiksa oleh pihak Audit sesuai peruntukan Akta Audit yang berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri pandangan saya, sukalah saya menarik perhatian Kerajaan supaya Labuan terhindar daripada menjadi pengkalan dadah dan kejadian jenayah yang akan menyusup ke tanah besar Sabah kerana ia boleh menjejaskan keyakinan penduduk setempat tentang manfaatnya kehadiran Wilayah Persekutuan Labuan itu. Bagi saya, saya tidak meragui tentang kemampuan Kerajaan menjalankan tanggungjawabnya terhadap keselamatan negara, tetapi bagi penduduk Sabah inilah yang mereka perbualkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sudah pandangan-pandangan saya dengan menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda yang terakhir ini sebagai Yang di-Pertuan Agong. Baginda adalah cukup dikenal dan dikenang di Sabah sebagai seorang Raja yang berhemah tinggi dan berjiwa rakyat. Kepimpinan Baginda menjadikan imej Malaysia tinggi di mata antarabangsa. Perkhidmatan cemerlang Baginda kepada negara sentiasa dikenang, semoga Allah akan lanjutkan usia Baginda dengan taufik dan hidayah-Nya.

Saya mohon menyokong Titah Ucapan Baginda dan menjunjung kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ishak bin Abdul Rahman.

5.55 ptg.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Tuan yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong satu usul menyampaikan ucapan terima kasih dan merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyampaikan Ucapan Baginda pada 12hb. Mac, 1984 di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Sesungguhnya Titah Ucapan Baginda telah merangkumi semua aspek yang penuh erti biarpun yang tersurat dan mahupun yang tersirat. Dalam pemerintahan Baginda dapat meletakkan negara Malaysia dalam keadaan aman dan tenteram. Kestabilan politik yang sedia wujud di bawah pimpinan Baginda yang berhemah tinggi yang sanggup menghadapi cabaran bersama-sama dengan rakyat. Walaupun negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi dunia, dengan kepimpinan bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi, tidaklah begitu menjejaskan prestasi pembangunan negara kita.

Tuan yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai dengan pertanian. Kerajaan telah berusaha bersungguhsungguh untuk meningkatkan hasil pengeluaran, bahan pertanian dan meninggikan pendapatan petani-petani. Kerajaan telah juga mengadakan kaji selidik benih dan baka, pemberian subsidi, kemudahan-kemudahan pinjaman bank, peruntukan khas untuk memulihkan tanah-tanah terbiar khususnya di Pulau Pinang. Ini semua menunjukkan bahawa Kerajaan bersungguhsungguh untuk membantu rakyat dari kalangan petani-petani.

Pada pendapat saya selain daripada usaha Kerajaan sendiri maka petani-petani patutlah dan perlulah memainkan peranan yang penting bersama-sama dengan Kerajaan. Petani-petani hendaklah bersungguh-

sungguh dan sanggup mengubah sikap dari bentuk petani tradisional kepada petani moden, sanggup menerima dan mengamalkan khidmat nasihat dari pegawai-pegawai yang berkenaan, sanggup menyatukan tenaga dalam satu organisasi pertanian; membincang, merancang dan kuat bekerja sebagaimana yang selalu disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan mengambil tindakan bersama-sama dengan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan yang sedia ada.

Mengenai dengan pertanian ini, saya suka menarik perhatian Kerajaan bahawa adakah Kerajaan sedar sekarang ini bilangan petani-petani semakin kurang dan hanya yang baki semata-mata petani-petani yang telah lanjut umur. Kalangan belia-belia kita sekarang ini tidak lagi begitu berminat untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian terutama usaha menanam padi. Hal ini berlaku boleh jadi hasil yang didapati dari bidang pertanian ini tidak dapat menampung keperluan dan perbelanjaan petani-petani sendiri, dan terdapat juga ibu bapa yang lebih menggalakkan anak-anak mereka supaya berhijrah ke bandar untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih terjamin untuk masa depan mereka. Hal ini ternyata sekarang di beberapa buah negeri seperti di Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan serta Perlis yang mana sekarang ini pengusaha-pengusaha pertanian terpaksa membawa masuk pekerja-pekerja dari negeri jiran kita iaitu negeri Thailand untuk bersama-sama mengambil upah dalam mengusahakan tanaman padi.

Hal ini patutlah Kerajaan memandang serius terhadap kekurangan tenaga untuk mengusahakan pertanian bentuk padi ini dan dalam Dasar Pertanian Negara Kerajaan hendaklah juga mengambil kira tentang kekurangan tenaga pekerja dan menjamin pendapatan yang cukup kepada pengusaha-pengusaha pertanian. Kerajaan hendaklah juga membuat kajian apakah tindakan yang perlu diambil

untuk jangka masa panjang dan jangka masa pendek untuk kepentingan dan peranan serta penanam padi dan kegunaan tanah sawah untuk mengekalkan hakmilik mereka jangan berpindah milik apabila sampai masanya tanah-tanah sawah tidak diusahakan oleh sebab tidak ada lagi orang yang hendak mengusahakan tanah padi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang industri dan pembangunan bandar, Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang maju ke hadapan dalam bidang perusahaan atau perindustrian. Terdapat tiga buah kawasan yang besar yang dapat menampung pekerja-pekerja bukan sahaja dari negeri Pulau Pinang bahkan dari negeri-negeri di sebelah utara Semenanjung Malaysia iaitu Kedah, Perak dan Perlis. Dengan demikian dapat mengurangkan kadar pengangguran dari kalangan belia dan meningkatkan pendapatan mereka untuk menempuh hidup mereka pada masa yang akan datang. Sedikit sebanyak telah memberi kesejahteraan kepada rakyat dengan pendapatan yang lebih lumayan dari mereka menjalankan kegiatan pekerjaan di kampung-kampung dan hal ini berlaku pula masalah yang timbul ialah penghijrahan pemuda-pemuda dan pekerja-pekerja kampung ke kawasan bandar.

Menyentuh tentang pembangunan dan perbandaran, saya suka menarik perhatian Kerajaan Pusat atau Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa seluruh negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai sekarang ini menjadi kawasan perbandaran iaitu di seluruh Pulau Pinang dinamakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan di seluruh Seberang Perai dinamakan Majlis Perbandaran Seberang Perak. Agak saya inilah dua Majlis Bandaran yang terbesar di dunia yang di dalam perbandaran ini mengandungi sawah padi, ladang getah, ladang kelapa sawit, bukit bukau, tanah paya, hutan simpan dan sebagainya. Tidak seperti bandaran-bandaran lain yang mana

terdapat bangunan-bangunan, rumah-rumah batu, pamaritan yang sempurna dan kemudahan-kemudahan yang sempurna kepada rakyat. Hal ini bukan saja tidak bersetuju kepada keadaan perbandaran sekarang tetapi soalnya kawasan bandaran seluruh negeri adalah menyusahkan dan menjadi beban kepada penduduk-penduduk kampung yang rata-ratanya miskin yang mana mereka ini dibebankan dengan cukai-cukai dan syarat-syarat perbandaran.

Terdapat penduduk-penduduk di luar bandar, penduduk-penduduk kampung yang miskin terpaksa mengikut syarat-syarat Majlis Perbandaran untuk mereka mendirikan rumah-rumah kediaman di atas tanah sendiri dan syarat-syarat mengadakan pelan letak rumah itu, terpaksa pula menggunakan pelan dan mendapatkan kelulusan dari pihak Majlis Perbandaran. Kalau sekiranya penduduk di luar bandar, penduduk kampung yang dimaksudkan berpendapatan rendah ini tidak mengikut syarat-syarat mereka tidak pula dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air, api dan sebagainya. Begitu juga kalau terdapat di kalangan penduduk kampung yang mampu untuk mendirikan rumah yang lebih sempurna selain daripada mengadakan pelan yang sempurna mereka juga terpaksa mengeluarkan sekurang-sekurangnya untuk menyediakan tandas yang sesuai dengan rumah yang mereka cadangkan itu terpaksa mengeluarkan belanja yang tidak kurang daripada \$3,000. Hal-hal ini menjadi beban dan tidak dinikmati oleh penduduk-penduduk di luar bandar. Kesejahteraan dan kesempurnaan kehidupan mereka terjejas sedangkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Majlis Perbandaran kepada Penduduk-penduduk luar bandar adalah jauh perbezaannya dengan penduduk-penduduk bandar.

Penduduk luar bandar tidak mempunyai pusat kemudahan asas, pamaritan yang sempurna, jalanraya

yang sempurna, kebersihan dan penjagaan kesihatan yang sempurna. Harap saya semoga Kementerian yang berkenaan dapat membuat sesuatu supaya tidak menyusahkan rakyat yang jauh dari bandar dan dibebankan dengan syarat-syarat perbandaran yang didapati sekarang ini dan supaya mereka ini dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang sama dengan penduduk-penduduk dalam bandar dan saya sarankan supaya Kementerian yang berkenaan mengadakan satu kajian bagaimana keperluan yang patut diambil tindakan supaya kawasan perbandaran yang begitu luas itu dapat dikaji semula dan diadakan zon-zon untuk memberi kemudahan kepada rakyat-rakyat yang berpendapatan rendah.

Menyentuh tentang usaha-usaha Kerajaan lainnya iaitu menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara, seperti bersih, cekap dan amanah, ketekunan bekerja, keadilan dan hormat menghormati telah menjadi amalan bukan sahaja oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan bahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong sendiri. Kita dapati Kebawah Duli di mana sahaja dilawatinya maka rakyat telah memberi sambutan yang begitu kagum dan rakyat begitu menunjukkan kasih sayang terhadap Baginda terutama sekali ketika acara-acara sukan diadakan. Minat Baginda terhadap sukan telah mendorong rakyat, peserta-peserta serta peminat sukan lebih menggalakkan, lebih aktif dalam gerakan sukan dalam negara kita ini. Walaupun demikian kita masih terdapat sebilangan kecil daripada rakyat di negara ini yang masih tidak senang dengan amalan dan dengan kegiatan-kegiatan Kerajaan sekarang ini. Ada segolongan daripada pengikut-pengikut mereka ini yang menentang Kerajaan yang masih bergiat dan sedang berusaha dengan beberapa cara untuk memecah belahkan masyarakat. Sekarang kita dapati di kalangan-kalangan ini yang berusaha

mengadakan peta-peta rakaman dan mengedarkan peta-peta rakaman ini kepada bukan sahaja ahli-ahli mereka bahkan kepada siapa sahaja dengan harga yang begitu murah. Rakaman-rakaman ini biasanya mencaci Kerajaan, menghentam Kerajaan dan memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin negara kita. Hal ini patutlah mendapat perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh Kerajaan. Selagi kita membiarkan orang-orang ini dan golongan-golongan ini bermaharajalela dengan sesuka hati mereka kita bimbang bahawa perpecahan di kalangan masyarakat akan berterusan dan keamanan negara akan terjejas.

Dalam usaha-usaha menyerapan nilai-nilai Islam serta membawa rakyat ke arah perpaduan berbagai-bagai kaum dalam negara ini, saya suka mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Radio dan TV yang dibawah Kementerian Penerangan yang sedikit sebanyak telah memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang penting supaya rakyat dapat memahami dasar-dasar Kerajaan. Begitu juga persembahan-persembahan yang diatur begitu rapi oleh pihak TV Malaysia sedikit sebanyak telah menarik minat warganegara yang bukan Bumiputera mengambil bahagian di dalam rancangan-rancangan yang sedia ada dan juga telah menarik minat semua kaum untuk menikmati dan sentiasa mengikuti siaran-siaran TV kita pada hari ini.

Contohnya, pihak Televisyen telahpun merangkumi satu-satu siaran hiburan misalnya. Dalam siaran hiburan dicampur adukkan di antara penyanyi Melayu, penyanyi keturunan India dan penyanyi keturunan Cina dalam satu rancangan. Jadi dengan cara ini ada orang India yang berminat kepada penyanyi India dia terpaksa juga menyaksikan dan menonton bersama sebelum sampai giliran penyanyi India berpeluang juga dia bersama-sama mengikuti dan mendengar serta melihat

penyanyi-penyanyi Melayu dan Cina menyampaikan nyanyian mereka.

Jadi, dengan secara tidak langsung mereka ini dapat mengikuti dan memahami bahasa Malaysia, tutur kata bahasa Malaysia dan sebagainya dan sehingga sekarang ini terdapat penyanyi-penyanyi bukan Melayu lebih diminati oleh peminat-peminat daripada penyanyi-penyanyi Melayu sendiri. Ini satu kejayaan yang dapat dimainkan oleh RTM.

Jadi, untuk lebih menyerapkan lagi nilai-nilai ini kearah pencapaian perhubungan baik di antara kaum, saya suka menyarankan supaya lebih banyak siaran akan dapat dicampur aduk di antara berbagai-bagai kaum dalam satu rancangan. Misalnya sekarang ini rancangan yang diminati oleh ramai ialah rancangan DMI (Drama Minggu Ini) menerusi Rangkaian Pertama patutlah melibatkan lebih ramai bukan Bumiputera mengambil bahagian dalam siaran-siaran ini supaya dapat kita menonjolkan bakat-bakat daripada bukan Melayu mengambil bahagian menyampaikan dialog-dialog yang fasih, yang betul-betul jalan bahasanya menerusi Rangkaian Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka menarik perhatian Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan masih terdapat dan adanya lagi golongan-golongan tertentu yang berusaha mengumpulkan bakal-bakal haji negara kita ini untuk menunaikan fardhu haji pada musim-musim haji. Masih terdapat rombongan orang yang tertentu ini membawa rombongan haji ke tanah suci dengan tidak melalui Tabung Haji. Yang menjadi masalahnya rombongan-rombongan ini tidak mendapat layanan yang sempurna daripada orang yang berkenaan. Mereka ini telah membuat pertaruhan setahun lebih awal daripada musim haji dan mereka ini tidak mendapat sebarang imbuhan atau bayaran hasil daripada simpanan mereka yang diadakan setahun atau dua tahun terlebih awal.

Selain daripada itu, rombongan ini juga ialah rombongan yang menentang Kerajaan. Mereka mengambil kesempatan sambil menunaikan fardhu haji juga telah singgah di beberapa tempat kerana rombongan ini pergi menunaikan fardhu haji menerusi jalan pelancungan. Jadi mudahlah mereka singgah di mana-mana tempat yang mereka suka, berjumpa dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri, bertemu dengan orang-orang yang tertentu dan menyampaikan ucapan-ucapan, perjumpaan, majlis-majlis untuk memburukkan Kerajaan dan untuk menaikkan serta memperakukan bahawa parti merekalah parti yang sebenarnya dan merekalah pejuang-pejuang ugama Islam dan merekalah juga orang yang akan menubuhkan Kerajaan begitu dan Kerajaan begini.

Timbalan Yang di-Pertua: Masanya cukup, Yang Berhormat.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangat supaya Kerajaan dapat mengadakan hubungan baik yang sedia ada di antara Kerajaan Malaysia dengan Saudi Arabia supaya hal ini dapat disekat, supaya hal ini tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya dengan sukacitanya lagi sekali menjunjung kasih dan menyokong Titah Ucapan Duli Yang maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau seseorang Ahli Yang Berhormat berucap 15 minit pada hari ini semua yang hendak berucap ada hari ini dapat bercakap. Dengan ini saya jemput Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

6.15 ptg

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berdiri di Dewan yang mulia ini adalah untuk turut menyokong dan mengucap menjunjung

kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda pada 12hb Mac, 1984 di Parlimen, dan seterusnya dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan telah melantik saya sebagai wakil bagi masyarakat Orang Asli di Dewan Negara. Saya berikrar sedaya upaya yang mampu untuk memberi perkhidmatan saya kepada masyarakat Orang Asli dan negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, ada kemungkinan saya berucap tidak kena pada tempat berkenaan ucapan ini tetapi saya akan cuba dengan sedaya upaya dan saya minta izin. Izinkan saya menyampaikan hasrat dan kehendak masyarakat orang Asli seperti berikut.

Selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru matlamat Kerajaan ialah untuk menentukan supaya Orang-Orang Asli menikmati kemajuan dan kemakmuran yang saksama dan seterusnya menyatu padukan atau mewujudkan integrasi mereka dengan masyarakat umum. Proses perubahan yang diteruskan ini hendaklah benar-benar merupakan kemahuan-kemahuan dan aspirasi orang-orang asli dan juga cita-cita dan idaman mereka.

Pada dasarnya, masyarakat Orang-orang Asli telah menerima nikmat dari dasar-dasar tersebut melalui fungsi-fungsinya yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan lain-lain agensi Kerajaan. Dengan ini saya rasa gembira mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya dapat memperuntukkan kewangan yang mencukupi untuk membiayai projek-projek pembangunan sosial dan ekonomi Orang-orang Asli yang telah ditangguhkan akibat kemelesetan ekonomi negara. Peruntukan itu hendaklah diteruskan supaya projek tersebut dapat dijalankan, terutama projek Rancangan Pengumpulan

Semula Orang Asli (RPS) yang telah dijanjikan untuk maksud pembangunan sosial dan ekonomi sejak beberapa tahun dahulu.

Dimaklumkan bahawa Projek Rancangan Pengumpulan Semula telah mengalami beberapa kelewatan tidak sebagaimana yang telah dijanjikan.

Rancangan Pengumpulan Semula itu adalah seperti berikut:-

PERAK

Daerah Ulu Perak

Rancangan Pengumpulan Semula Banun terletak berhampiran jalan lebuh raya Timur-Barat.

Rancangan Pengumpulan Semula Kemar, Ulu Temenggor.

Rancangan Pengumpulan Semula Dala berhampiran dengan Gerik.

PAHANG

Daerah Kuala Lipis

Rancangan Pengumpulan Semula Pos Betau.

KELANTAN

Daerah Gua Musang

Rancangan Pengumpulan Semula Kuala Betis.

Hanya projek Rancangan pengumpulan Semula K. Betis ini berjalan lancar sebagaimana yang dijadualkan.

Tuan Yang di-Pertua, penerusan peruntukan tersebut bertujuan untuk menyegerakan projek Jabatan yang telah dijanjikan kepada masyarakat orang Asli di keempat-empat rancangan tersebut. Kelewatan untuk menunaikan janji tersebut, dikhuatiri akan membawa kesan-kesan buruk kepada pihak Kerajaan. Kesempatan ini akan digunakan oleh pihak anti nasional, subersif dan komunis untuk mempengaruhi mereka, maskudnya nanti parut lama, akan berdarah balik.

Adalah difahamkan kawasan Pengumpulan Semula tersebut merupakan kawasan yang strategik dan

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usul ini.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Salleh.

6.25 ptg.

Tuan Ibrahim bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya bersama-sama mengambil bahagian, melafazkan Menjunjung Kasih dan Taatsetia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberikan lempah perkenannya mencemar Duli hadir ke Parlimen dan melakukan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Keenam pada 12.3.1984 yang lalu.

Baginda telah melafazkan Titah Ucapan yang sungguh bernas, bersemangat dengan mengembalikan semangat dan azam baru kepada kita ke arah lebih-lebih lagi berusaha dan berkhidmat kepada negara, serta menggambarkan kepada kita keupayaan Kerajaan mentadbir negara yang telah dapat membawa kembali ke dalam keadaan ekonomi negara yang stabil dan kukuh setelah melalui kemelesetan ekonomi dunia. Harapan Baginda begitu tinggi sekali terhadap kesempurnaan pencapaian kemajuan dan pembangunan negara. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kita bersama bersatu tenaga berusaha ke arah mendapatkan kesempurnaan hasrat Baginda yang tersebut itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, iaitu bersabit dengan semasa kemelesetan ekonomi negara bahawa keadaan itu telah dapat diatasi dan dibendung dengan sepenuh keyakinan pihak Kerajaan. Dalam pada itu rakyatlah patut sekali diberikan setinggi-tinggi sanjungan kerana kesetiaan dan kesanggupan menerimanya dengan penuh kesabaran. Kesabaran itu adalah datangnya daripada hasil kesefahaman akan kedudukan yang tersebut iaitu yang

telah berlaku walaupun terdapat segala apa jua kemudahan dan kemewahan serta keistimewaan ke atas mereka terjejas. Di atas kesedaran inilah yang membawa ketenangan kepada semua pihak terutama pihak Kerajaan dapat dengan segala menumpukan sepenuh masa terhadap pengembalian dan usaha-usaha mengatasi zaman kemelesatan itu. Kerajaan amatlah patut dan menasabah sekali berterima kasih kepada rakyat di atas kesabaran dan tidak banyak menimbulkan masalah semasa kemelesatan sedang berlaku itu. Bermula dari saat ini kita haruslah menunjukkan kesungguhan dengan menumpukan apa juga projek pembangunan khususnya di luar-luar bandar di samping menjalankan beberapa projek yang besar-besar yang dipersetujui terpaksa berdasar kepada yang telah dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, menyentuh kepada arah-arrah yang akan dibawa oleh Kerajaan di bawah pemimpin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, berpandukan kepada pengalaman dasar-dasar baru, tetapi pihak Kerajaan haruslah berhati-hati bahawa dasar-dasar yang telah dicipta terdahulu daripadanya tertunai dengan sempurna dan telahpun memberikan faedah dan keuntungan kepada rakyat, paling kurangnya dasar-dasar baru itu berekoran di antara satu sama lain yang boleh diambil tindakan selanjutnya. Saya kluatirkan arah-arrah baru dan memperkenalkan dasar-dasar baru itu akan membosankan pemikiran rakyat yang berkemungkinan kurang jelas dan kurang memahami ke atasnya. Ini akan mengakibatkan kurang mendapat sokongan daripada rakyat. Oleh hal yang demikian, dalam usaha Kerajaan membawa arah-arrah baru pada memperkenalkan dasar-dasar baru itu penjelasan dan keterangan seumpamanya kepada rakyat amatlah perlu disebar dengan seluas-seluasnya dengan tujuan

sensitive, dengan izin, dari segi keselamatan negara. Perlu ditegaskan, untuk tujuan mempercepatkan projek yang telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga lain-lain ejensi Kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung, hendaklah bekerjasama dalam satu pasukan kerja untuk melaksanakan dan menjayakan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyeru kepada semua Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai penduduk orang Asli supaya memberi kebenaran-kebenaran kepada masyarakat orang Asli tempatan mengeluarkan, mengusahakan dan seterusnya menjual hasil-hasil bumi seperti kayu balak, bijih timah dan lain lagi di tempat mereka sendiri. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada mereka hidup berdikari dan memajukan kawasan mereka dengan sumber-sumber berkenaan, dengan ini beban Kerajaan untuk mengadakan peruntukan yang besar akan berkurangan, contoh seperti ini telah, sedang dan akan dilaksanakan di Gua Musang, Hulu Kelantan di mana penduduk orang Asli tempatan diberi kawasan pembalakan seluas 25 ekar. Hasil daripada ini penduduk di tempat berkenaan telah menikmati bermacam-macam kemudahan seperti pembinaan kedai secara koperasi, balairaya, bekalan air paip, bekalan api dan kemudahan jalan perhubungan. Saya berharap lain-lain Kerajaan Negeri juga akan mengikut contoh seperti Kerajaan Negeri Kelantan yang amat bermurah hati kepada masyarakat orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu dan memohon supaya dapat kelonggaran syarat-syarat dengan kelulusan minima bagi pelajar-pelajar orang Asli untuk memasuki di pusat-pusat pengajian tinggi. Ini adalah memandangkan masyarakat orang Asli masih jauh lagi ketinggalan dari segi pelajaran jika dibandingkan dengan lain masyarakat bumiputera di negara ini. Walaupun sekarang ada pelajar

yang telah dan sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi, tetapi bilangannya agak kecil. Jika, dengan adanya Kerajaan memberi kelonggaran syarat-syarat tersebut dan peluang-peluang istimewa termasuk untuk mendapatkan biasiswa daripada badan-badan Kerajaan dan pihak swasta, saya yakin dan percaya penuntut-penuntut orang Asli akan bertambah ramai bilangannya di pusat pengajian tinggi dari tahun ke setahun. Bertambahnya bilangan pelajar orang Asli dalam pencapaian pelajaran tinggi mereka, ini bolehlah dianggap sebagai penggerak kepada ejen perubahan dalam pembangunan masyarakat terutama di kalangan masyarakat orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman dengan peluang yang lebih luas lagi, maka Dasar Ekonomi Baru akan tercapai melalui bidang pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya di Dewan yang mulia ini, sukacita saya menyampaikan sembah bagi pihak masyarakat orang Asli amnya Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong sebagai tunggak negara.

Sebagai sebuah masyarakat Malaysia yang juga mendokong cita-cita Kerajaan ke arah pembangunan negara, kami menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di dalam menjalankan teraju negara.

Akhirnya, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan salam saya sekali lagi kepada pihak Kerajaan di dalam arus ke arah kepesatan pembangunan negara adalah diharapkan supaya masyarakat orang Asli juga tidak ditinggalkan dalam arus pembangunan tersebut dengan diberi peluang yang adil dan saksama didalam menikmati arus pembangunan negara.

menghindarkan salah faham dan salah pengertian yang kemungkinan dasar-dasar itu diputarbelitkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan menerapkan ketinggian nilai-nilai perkhidmatan kakitangan Kerajaan dari sudut kejujuran dan kerajinan setakat mana yang ada pada masa ini boleh dibanggakan pelaksanaannya.

Walau bagaimanapun, penerapan nilai-nilai ini janganlah dijadikan alat yang menunjukkan kesungguhan tetapi lembab dalam pelaksanaan tugas masing-masing sehingga boleh menampakkan amalan ini kepada kaca mata rakyat sehingga sumbang kepada pandangan umum yang boleh dianggap jadi satu penyekatan jalan untuk perhubungan yang rapat di antara Jabatan dan kakitangan dengan rakyat.

Bagi tujuan meninggikan penerapan nilai-nilai yang baik ini ketinggian nilai kerohanian amat perlu. Keperluan ini mustahak dipelupuri dan diatasi dengan penyemaian ketinggian maruah atau akhlak berdasarkan Islam. Benih-benih boleh diterima melalui saluran pengembangan pelajaran-pelajaran agama yang dianjurkan khas oleh tiap-tiap Jabatan yang berkenaan, kesedaran dan keinsafan yang berpandukan lunas-lunas Islam memenuhi ruang dada seseorang, kepatuhan dan ketaatan akan mendatang, di samping itu pengertian atas kepentingan pekerjaan itu dapat dinilai dari sudut memberikan perkhidmatan pada bahagian pertamanya dan memiliki wang ringgit ekoran daripada itu. Dengan ini menampakkan satu perubahan sikap kakitangan dengan memberikan keyakinan kepada rakyat dan dengan itu hubungannya terjalin dengan erat serta mendapat kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah peningkatan nilai-nilai perkhidmatan yang disalurkan dengan kejujuran, Kerajaan menghasilkan pula kecekapan dan beramanah, iaitu dari hasil kepenuhan rohaniah dengan asas-asas

agama. Bermula dari sinilah kakitangan Kerajaan boleh menjadi contoh kepada rakyat yang akan pula boleh melahirkan semangat kesedaran dan berjiwa besar bersama-sama berganding bahu ke arah menjayakan rancangan Kerajaan berpandukan arah-arah dan dasar-dasar yang telah dicipta dengan harapan akan membawa kepada kemewahan rakyat dan kemakmuran negara. Dari sinilah dasar-dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sepenuh pengertian dan menghasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan mempertingkatkan semula sumber sektor pertanian dengan tujuan membolehkan tambahan hasil-hasil pengeluaran dan pendapat negara, Dasar Pertanian Negara telah dibentuk. Segala usaha terhadapnya sedang dan akan dilaksanakan peringkat demi peringkat, tetapi kita harus sedar dan menyedari di samping menjayakan kawasan pertanian yang besar-besar atau luas. Jangan pula pihak Kerajaan melupakan atau mengenyepikan begitu sahaja atau kurang menumpukan perhatian terhadap memajukan kawasan-kawasan pertanian yang kecil-kecil, terutamanya kawasan sawah padi yang melingkungi kawasan seluas 100 ke 200 hingga 300 ekar sungguhpun ada perancangan diberikan kepada kawasan yang seumpama ini sangat lembab. Satu tindakan diambil. Kawasan seumpama ini akan berlaku di dalam Daerah Raub, Pahang. Dalam pandangan saya kawasan yang sedemikian boleh dimajukan dengan daya usaha dan pimpinan sepenuhnya daripada Jabatan Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan dan sekiranya perancangan ini dijalankan, hasilnya boleh menampung keperluan bahan makanan utama rakyat setempat dan dengan ini boleh meringankan beban Kerajaan bagi menanggung bahan keperluan utama itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu pihak Kerajaan telah dan sedang

berusaha di bawah Kementerian Pertanian melaksanakan beberapa projek pertanian dalam usaha menjayakan tanah-tanah terbiar yang berleluasa sekarang ini dan tidak ketinggalan beberapa projek dijalankan di Negeri Pahang, termasuklah di Daerah Raub. Projek ini ialah Projek Pertanian Bersepadu Pahang Barat yang berpusat di Raub. Saya berasa dukacita menyatakan bahawa projek ini belum lagi menampakkan sesuatu kesungguhan ke arah pencapaian matlamat yang dituju walaupun telah dirancang sejak beberapa tahun yang lalu. Dengan keadaan kelembapan, rakyat yang terlibat telah menjadi bosan dan tertanya-tertanya. Bagi tujuan mengelakkan daripada prasangka buruk yang akan timbul, maka eloklah projek tersebut diberikan perhatian yang serius dan disegerakan pelaksanaannya.

Semasa saya masih menyentuh hal-hal pertanian, sukacita saya hendak mengaitkan bersabit dengan baja dan lain-lain keperluan pertanian daripada Kerajaan kepada petani-petani. Satu pengawalan rapi hendaklah diberikan agar segala bantuan keemasan yang seumpama itu tidak akan disalahgunakan. Sebelumnya pembekalan subsidi itu dikeluarkan, pastikanlah keperluan tersebut betul-betul sampai kepada petani-petani yang benar-benar menggunakan bahan tersebut. Ini bermakna bukanlah pemberian subsidi itu diberi kepada tuan tanah yang tidak berjaya atau tidak mengusahakan tanahnya tetapi yang sebenarnya hendaklah diberikan kepada petani-petani yang mengusahakan tanahnya. Sekiranya keadaan ini berlaku dan berterusan tanpa kawalan ataupun diselewengkan, ini adalah akan merugikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya hendak menyentuh pula dalam sektor perindustrian. Saya berterima kasih kepada Kerajaan di atas usaha gigihnya menyusun rapi rancangan ini dan telah mencapai kejayaan, tetapi terhimpunlah rancangan ini di bandar-

bandar besar sahaja. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini industri yang di persesuaikan dengan pembangunan bandar maka pengagihannya juga hendaklah diteliti dengan sehalus-halusnya dan dengan pertimbangan yang sewajarnya agar keputusan perancangan itu akan menguntungkan semua pihak, kawasan dan rakyat sekitarnya. Misalnya setakat ini Raub adalah ketinggalan dalam bidang ini, walaupun industri ringan telah dirancang namun belum ada pertanda baik yang akan dapat dicapai. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan agar apa kiranya Raub diberikan perhatian yang utama bagi tujuan mendirikan perancangan yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan pelajaran adalah satu-satunya alat pembangunan dan membangunkan negara kerana ilmu pengetahuanlah yang boleh membawa kesedaran dan keinsafan. Dasar Kerajaan terhadapnya telah dicipta dan telah banyak kali pula diubahsuaikan. Semuanya itu bertujuan mempertingkatkan mutu dan nilai-nilai pelajaran negara, tetapi adalah amat perlu sekali pengawalan dan disiplin ke atas penuntut-penuntut, sama ada belajar dalam negeri mahupun di luar negeri mestilah diperkemaskan. Tujuannya supaya penuntut-penuntut itu mematuhi dan bukannya dengan mencerca dan memburuk-burukkan Kerajaan.

Dalam usaha mempertingkatkan mutu pelajaran peringkat demi peringkat, terutamanya di luar bandar, satu dasar menilai kecerdikan dan kemajuan murid-murid telah diadakan dengan mengadakan Peperiksaan Penilaian Darjah Lima. Sambutan murid-murid dan sokongan ibu bapa, kerjasama guru-guru, nasihat dan pimpinan amat berkesan serta berjaya kepada perancangan ini sehingga kejayaan ini menampakkan tidak ada keupayaan pihak Kerajaan bagi menyediakan tempat bagi menampung murid-murid yang lulus peperiksaan penilaian itu.

Tahun-tahun kebelakangan ini ramai murid-murid di luar bandar tersadai dengan tiada mendapat tempat belajar sebagaimana rakan-rakan mereka yang terdahulu. Walaupun keadaan dan kedudukan ini sedang berlaku dan masih berlaku, murid-murid, ibu bapa dan guru-guru yang berkenaan tetap bersabar dan tetap menumpukan usaha terhadap peperiksaan penilaian itu dengan harapan perubahan dan keupayaan pihak Kerajaan cepat diperolehi. Oleh itu, pihak Kerajaan dan khasnya Kementerian Pelajaran haruslah mengimbang satu daya usaha bagi tujuan mengambil masalah ini, terutamanya masalah murid-murid di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Dasar Luar, saya mengalu-alukan hubungan baik negara dengan negara-negara yang lain, termasuk negara tetangga. Ini adalah di antara satu-satunya Dasar Luar yang amat dibanggakan. Apa yang terdapat pada hari ini Malaysia seolah-olah menjadi jaguh di dalam lapangan mengatasi dan menyelesaikan sesuatu masalah di dunia. Pemimpin-pemimpin negara yang bijak sahaja yang boleh membawa sesuatu penyelesaian sesuatu masalah yang berbangkit di peringkat antarabangsa. Oleh itu, jadikanlah Dasar Luar Negara kita ke arah menjamin keselamatan, perpaduan dan pendekatan-pendekatan yang erat di rantau ini khasnya dan seluruh dunia amnya. Negara Brunei adalah sebuah negara tetangga yang baru mencapai kemerdekaannya. Rakyat daripada bangsa yang serumpun, perhubungan yang erat di antara kedua negara hendaklah dipererat dan diperkukuhkan, saling tolong-menolong dan diharapkan berkekalan hubungan dengan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada saat yang mengharukan ini di dalam Dewan yang mulia ini saya mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa menduduki takhta Ketua Negara Malaysia yang akan menamatkan tempoh perkhidmatan Baginda pada bulan April, 1984 ini dan dengan ini saya mengambil peluang mengucapkan Selamat Berpisah dengan mendoakan moga-moga Baginda sihat wal'afiat dan kekal di atas singgahsana pemerintahan Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya dengan penuh kegembiraan dan dengan sukacitanya turut sama menyokong usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keenam pada 12hb Mac, 1984 yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Encik Nasir.

6.40 *ptg.*

Tuan Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dibentangkan dalam Dewan ini semalam iaitu ucapan yang telah dilafazkan pada 12hb Mac, 1984 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa seboleh-bolehnya tidak lebih daripada yang dikehendaki oleh Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang pertama sekali saya suka menarik perhatian iaitu satu di antaranya minyak kelapa sawit hasil utama yang telah dapat dikeluarkan oleh negara Malaysia ini. Dalam keadaan menambahkan hasil negara yang dijual ke luar-luar negeri kadang-kadang harganya dari semasa ke semasa tidak sama. Ada masanya harga minyak kelapa sawit ini melambung tinggi dan apakala harganya melambung tinggi pengusaha-pengusaha ataupun pekebun-pekebun kelapa sawit dapat

membelanjakan wangnya dengan begitu mudah dan kadang-kadang mereka lupa, mungkin satu masa akan datang harga kelapa sawit ini akan menurun. Dengan ini kita boleh menaruh kesimpulan bahawa harga kelapa sawit ini kadang-kadang kala akan naik dengan harga yang begitu tinggi dan kadang-kadang akan turun dengan begitu mudah. Dan ini saya masih terfikir lagi sebagaimana yang disuarakan oleh orang-orang tua pada masa dahulu.

Dalam tahun ke 30an atau 20an ada masanya harga getah turun terlampau jauh dan di waktu itu penanam-penanam getah tidak mendapat harga yang baik dan kehidupannya semakin kesusahan. Dengan ini saya berpendapat maka pihak Kerajaan patut menubuhkan sama ada walau apa bentuk nama sekalipun dan kita boleh mengatakan misalnya Tabung Kebajikan Pekebun-pekebun Kelapa Sawit maka daripada hasil harga kelapa sawit yang begitu melambung tinggi maka pihak Kerajaan dapat mengambil sebahagian daripada harga itu dimasukkan dalam tabungan yang saya jelaskan tadi. Dengan ini apabila sampai masanya harga kelapa sawit yang agak menurun mungkin kita tak tahu bila masanya, bila ketikanya maka wang tabungan yang dirancangan ini dapat kita stabilkan harga kelapa sawit itu dengan tidak menampakkan harganya terlalu tinggi dan tidak menampakkan harganya terlalu rendah. Dengan adanya harga kelapa sawit yang distabilkan dari segi bentuk ini maka saya rasa pengusahapengusaha ataupun pekebun-pekebun kelapa sawit tidaklah meragukan hidup mereka untuk mendapatkan wang daripada hasil kerja mereka daripada kebun kelapa sawitnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menarik perhatian sebagaimana yang diterangkan oleh rakan-rakan saya semalam dan hari ini telah menimbulkan dalam masalah kita sama kita perasaan baik sangka sama

ada sesama bangsa, sama ada di antara satu bangsa dengan satu bangsa yang lain agak berjalan dengan baik dan sihat. Saya suka menarik perhatian kepada pihak yang berkenaan dan benda ini perlu diambil perhatian yang wajar kerana perkara yang akan saya sampaikan ini khususnya kepada umat-umat Islam yang tinggal di negara Malaysia ini.

Perkara yang saya hendak kemukakan ini ialah bagi penentuan ataupun tarikh satu haribulan puasa dan satu haribulan raya atau kita katakan penentuan tarikh satu haribulan Ramadhan dan satu haribulan Syawal kerana kebelakangan ini agak bercanggah sedikit di antara sesebuah negeri dengan negeri yang lain di dalam Malaysia ini. Ini akan timbul rasa kecurigaan di antara umat Islam di negara Malaysia ini di antara satu sama lain. Atas ketidakseimbangan pengisytiharan yang dibuat ini maka saya cuma menarik perhatian dalam menentukan tarikh awal Ramadhan ataupun satu Ramadhan dan satu Syawal ini patut dapat kita selaraskan apabila pengisytiharan ini dibuat sama ada daripada pihak Yang di-Pertuan Agong maka negeri-negeri yang lain mestilah memahami dan mengikuti pengisytiharan yang telah dibuat. Dan dalam keadaan yang demikian barangkali kita tahu pihak-pihak dalam sesebuah negeri boleh menguasai ataupun menentukan satu tarikh bagi negerinya sahaja. Jadi kita cuma berharap apabila sesuatu pengisytiharan itu dibuat maka wakil-wakil dalam sesebuah negeri yang didatangkan dari seluruh negara ini dapat menentukan dalam bentuk apa sekalipun apabila pengisytiharan ini telah dibuat maka mana-mana negeri di dalam Malaysia ini tidaklah boleh mengisytiharkan satu tarikh yang lain supaya tidak bercanggah antara sebuah negeri dengan sebuah negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menarik perhatian

berhubung dengan satu cadangan pihak PETRONAS hendak mengadakan satu kilang penapis minyak sebagaimana yang telah diberitahu ataupun diketahui satu kawasan di Melaka yang dinamakan kawasan Tanjong Kling dua tiga tahun yang lalu maka pihak PETRONAS sama ada telah berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan akan mengadakan satu kilang penapis minyak di kawasan ataupun di tempat yang saya terangkan tadi. Jadi pihak Kerajaan Negeri Melaka dengan berasa bangga dan memikirkan apabila pihak PETRONAS dapat mengadakan kilang penapis minyak di tempat yang saya jelaskan tadi maka ramailah ahli-ahli ataupun penduduk-penduduk yang berhampiran dapat bekerja di sana. Dengan itu pihak Kerajaan telahpun mengambil tanah-tanah sama ada Bumiputera ataupun bukan Bumiputera yang telahpun dibayar ganti rugi kerana pengambilan tanah yang saya terangkan tadi. Tetapi apa yang saya dapati baru-baru ini sebagaimana yang dijelaskan di surat-surat khabar tujuan pihak PETRONAS hendak mengadakan proses kilang penapis minyak di Tanjong Kling (Tanjong Beruas) itu kemungkinan terbatal kerana perundingan pihak PETRONAS dengan pihak Kerajaan Singapura untuk mengadakan penapis minyak tidak lagi akan ditempatkan di Melaka, di tempat yang saya terangkan tadi tetapi mereka sedang berunding atau perundingan sedang dijalankan supaya proses penapis minyak yang dicadangkan pada awalnya di Melaka itu dipindahkan ke Singapura.

Jadi di sini saya menekankan kepada pihak yang berkenaan apakah halnya tanah-tanah orang-orang ataupun penduduk-penduduk di Melaka yang telah diambil oleh Kerajaan yang bertujuan untuk mengadakan kilang penapis minyak tetapi telah terbatal dengan sendirinya dan berpindah ke negara yang lain. Jadi ini cuma saya mengharap kalaulah ada perancangan-perancangan daripada

pihak-pihak yang tertentu untuk mengubah kilang penapis minyak itu di negara lain dapat dikaji semula supaya hasil daripada pengambilan tanah di Melaka itu dapat diadakan kilang penapis minyak di tempat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali, saya suka menarik perhatian berhubung dengan Jabatan Telekom. Apa yang saya difahamkan pada kebiasaannya sebarang cek-cek yang dikeluarkan khususnya pembayaran kepada pihak-pihak Kerajaan, biasanya cek-cek itu ditulis dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Tetapi baru-baru ini sebagaimana yang telah dimaklumkan perkara ini telah juga dimaklumkan kepada pihak yang berkenaan arahan daripada Pengarah Telekom, Bahagian Selatan tertakluk kepada, Negeri-negeri Melaka dan Johor mengatakan cek-cek yang ditulis selain daripada bahasa Inggeris dan Malaysia boleh diterima. Ini akan menjadi kesusahan sekiranya ada arahan yang mengatakan cek-cek yang ditulis selain daripada Bahasa Malaysia dan Inggeris diterima, apa halnya kalau orang-orang yang menerima cek-cek itu tidak begitu faham yang ditulis selain daripada Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Ini saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya menganalisa atau mengkaji semula keadaan ini supaya tidak bercanggah daripada kehendak negara Malaysia kita dalam bentuk bahasa dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja ucapan yang dapat saya sampaikan dan dengan ini saya menyokong dengan sepenuhnya usul yang dibawa oleh Senator Tuan haji Abdul Wahab pada hari semalam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

6.53 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom:

Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta membahaskan Titah Ucapan Di Raja yang telah dibentangkan di Dewan ini semalam. Pertamanya yang ingin saya sentuh daripada Titah Di Raja yang disampaikan di Dewan Rakyat pada 12hb Mac 1984 mengenai amalan nilai-nilai konsep itu yang seharusnya meliputi semua golongan masyarakat hendaklah disertai dengan sikap positif seluruh anggota Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyebut sesungguhnya negara kita ini telah mencapai kemerdekaan selama 27 tahun tetapi sistem pentadbiran awam di Malaysia ini jelas masih berbau penjajahan. Dahulu semasa Inggeris mahu menjamin kepentingan mereka menduduki memerintah Tanah Melayu, Inggeris mengadakan dua skim perkhidmatan yang diwujudkan. Pertama pegawai-pegawai MCS yang terdiri daripada pegawai-pegawai Inggeris, yang kedua MAS yang terdiri dari pegawai-pegawai rendah anak tempatan.

Sekarang ini di dalam negara kita wujud dua skim pentadbiran, satu disebut PTD, Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan yang keduanya Skim Perkhidmatan Awam, PTA. Kedua-dua skim perkhidmatan ini terdiri daripada Kumpulan A yang mempunyai syarat asas kemasukan yang sama iaitu kelulusan Ijazah Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Di Raja menghendaki supaya kakitangan Kerajaan menjalankan dan melaksanakan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kerajaan, oleh pencipta dasar dan oleh kedua-dua Dewan yang meluluskan dasar-dasar itu dengan lebih positif. Tetapi bagaimanakah keadaan positif ini akan berjalan dan akan dihayati oleh kakitangan Kerajaan, oleh pegawai-pegawai Kerajaan ini jika sekiranya di kalangan mereka sendiri ada dilemma.

Saya mengesyorkan supaya sesuai dengan pendekatan baru yang sekarang ini yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya di Malaysia ini diwujudkan sebuah sahaja atau satu sahaja skim perkhidmatan yang dikenali dengan nama Skim Perkhidmatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua skim PTD dan PTA ini melibatkan beribu-ribu kakitangan Tingkatan 'A'. Pegawai-pegawai dalam Skim PTD ini lebih cerah dan lebih mudah untuk menaiki tangga kenaikan pangkat dari Tingkatan Biasa ke Tingkatan Kanan kepada Tingkatan Tertinggi 'G' dan seterusnya. Tetapi bagi pegawai-pegawai PTA, mereka menghadapi berbagai masalah.

Maka meneliti terhadap jurang perbezaan yang sangat jelas di antara PTA dan PTD ini tentulah tidak hairan jika ramai pegawai-pegawai PTA merasa sangat keciwa terhadap prospek perkhidmatannya. Pegawai-pegawai PTA merasa keciwa lagi apabila ada orang yang gagal ketika memohon PTA, tetapi kemudian mereka berjaya pula memasuki skim PTD. Yang keduanya terdapat pegawai-pegawai PTD yang lebih junior di dalam perkhidmatan dan semasa di Universiti, kemudiannya menjadi boss kepada mereka. Yang ketiga terdapat prasangka negatif daripada pegawai-pegawai kanan yang terdiri daripada PTD terhadap pegawai-pegawai PTA. Yang keempat pegawai-pegawai PTA yang ingin memasuki PTD akan kehilangan kekananannya dan mereka mesti disahkan di dalam jawatan terlebih dahulu, jika belum, mereka dikehendaki meletakkan jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada apa yang disebutkan tadi memadai jika saya menyeru dan mengharap Kerajaan supaya dapat mengkaji semula, yang dapat mengkaji ini ialah Kabinet dan kemudian dibawa ke kedua-dua Dewan ini untuk diluluskan. Sesuai dengan Memandang ke Timur, pengurusan ala

Jepun dan etika kerja yang positif yang terdapat di negara tersebut telah dijadikan sebagai model dalam pentadbiran awam Malaysia, maka pengurusan ala Jepun sangat menumpukan kepada semangat harmoni dan hubungan kekeluargaan. Para pekerja dikehendaki tekun kepada pekerjaan masing-masing dan dikehendaki menjalankan tugas secara kolektif bagi menghasilkan mutu perkhidmatan yang cemerlang.

Soal melompat daripada satu skim perkhidmatan ke skim perkhidmatan yang lain serta prasangka buruk di antara mereka sangat dijauhi. Maka dengan ini supaya diharapkan di dalam usaha menerapkan pengurusan ala Jepun yang bernilai positif, konsep program kumpulan meningkatkan mutu kerja atau QCC akan dapat diperkenalkan di dalam pengurusan pentadbiran awam di Malaysia.

Mengikut tafsiran yang dibuat oleh INTAN, konsep ini bermakna sekumpulan kecil pekerja daripada unit kerja yang sama bermesyuarat secara kekeluargaan untuk mengenalpasti, memilih, menganalisa masalah-masalah yang berkaitan dengan kerja mereka dan mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian kepada pihak pengurusan untuk pertimbangan dan keputusan.

Maka sejajar dengan konsep Memandang ke Timur, Kerajaan telah memperkenalkan konsep Persyarikatan Malaysia. Konsep ini membawa satu sikap iaitu bersama-sama di dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi sama ada oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini besarlah harapan kita supaya dilemma yang dihadapi oleh kedua-dua kumpulan tenaga manusia yang memegang peranan besar di dalam pembangunan negara dan kesejahteraan ummat ini dapat dilaksanakan.

Yang kedua setelah kita mengikuti

perkembangan Dasar Ekonomi Baru sejak mula dilaksanakan sehingga sekarang, maka pencapaian sepertimana yang dikehendaki belum sampai kepada matlamat yang sebenarnya, maka di dalam peluang membahaskan Titah Diraja ini, saya menggesa kepada pihak pucuk pimpinan supaya Dasar Ekonomi Baru ini hendaklah dilanjutkan lagi umurnya.

Ini kerana berbagai masalah yang dihadapi oleh kaum Bumiputera dan kaum golongan yang tidak berada sebagaimana target kita di dalam Dasar Ekonomi Baru serampang dua mata untuk melenyapkan kemiskinan dengan tidak memandang bulu dan keturunan darah, tetapi kemiskinan masih ketara sekalipun persennya rendah di negara kita. Perdana Menteri mengatakan tidak ada rakyat kebuluran di kaki lima. Perdana Menteri mengatakan tidak ada orang yang mengais-ngais tong sampah untuk mengisi perutnya tetapi banyak masalah seumpama itu yang berlaku di hadapan mata kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang ada di hadapan kita sekarang mengenai dengan guru-guru sangkut. Mengapakah di dalam zaman perkembangan pelajaran dan pembelajaran ini istilah guru sangkut atau guru sementara ini masih wujud. Saya pernah mengatakan dalam Dewan ini jika sekiranya Kerajaan atau Kementerian Pelajaran tidak dapat menampung kemasukan guru-guru pelatih ke maktab perguruan Kerajaan hendaklah menganjurkan maktab perguruan swasta. Apabila mereka lulus maka diiktiraf mereka sebagai guru yang ada di dalam perkhidmatan perguruan. Guru-guru sangkut ini banyak di dalam negara kita yang sepatutnya Kerajaan selesaikan dengan segera.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kelulusan Robek Sanawi Negeri Selangor yang sekarang ini menjadi andaian kepada kemasukan

guru yang mahu melanjutkan pelajaran ke Fakulti Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia kerana Robek Sanawi di Negeri Selangor ini tidak diiktiraf oleh Dekan di Fakulti Islam UKM. Mengapakah ini berlaku? Apakah ini Robek Sanawi di Selangor tidak sama dengan di Kedah dan di Perak? Mengenai dengan Robek Sanawi ini juga, mengapakah guru-guru agama Kementerian Pelajaran yang lulus Robek Sanawi selepas tahun 1970 tidak disahkan jawatannya sebagai guru yang mendapat kategori gaji lebih \$1,000. Ertinya Robek Sanawi Negeri Selangor selepas tahun 1970 kelulusannya tidak sama dengan Robek Sanawi sebelum tahun 1970. Mengapakah ini berlaku?

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh masyarakat kita hari ini iaitu Kerajaan atau Kementerian Kesihatan menggalakkan jururawat-jururawat supaya menghadiri satu kursus tambahan selama setahun di Universiti Malaya dan mereka yang telah terpilih oleh JPA namanya disenaraikan tetapi di sana ada satu Lembaga lagi yang lebih berkuasa yang lebih tinggi daripada JPA. Ertinya ada pilih kasih di dalam pengambilan jururawat-jururawat yang akan melanjutkan pelajaran secara kursus singkat selama setahun. Jadi saya ingin tahu adakah Lembaga Pemilih di Fakulti itu lebih tinggi kuasanya daripada JPA yang dipunyai oleh Kerajaan sebagai sebuah jabatan yang tinggi?

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa ini supaya dapat bercakap apa yang saya hendak sampaikan dengan secara ringkas satu persatu.

Mengenai dengan MARA, sekarang ini kita tengok bas-bas MARA banyak berjalan sebagai pengangkutan awam di seluruh negara kita sama ada di FELDA, di kampung atau di jalan besar, di highway-highway negara kita. Tetapi apa yang menjadi masalah

kepada saya, adakah pihak Pengurus MARA sendiri sedar bahawa ada skandal-skandal yang berlaku di dalam perkhidmatan pengangkutan MARA itu yang menggelapkan wang tiket? Sewaktu subsidi diesel ditarik balik Pengurusan pihak MARA sendiri membenarkan supaya tiket budak-budak sekolah daripada \$2.50 dinaikkan kepada harga yang sepatutnya tetapi tiket-tiket itu apabila dinaikkan kepada sepatutnya, rekodnya tidak sampai kepada pihak yang menerima. Maknanya pihak Ibupejabat Pengurusan Pengangkutan MARA. Berpuluh ribu ringgit wang lesap, wang rakyat, tiket yang dibayar oleh rakyat untuk kebagusan rakyat tetapi digunakan oleh dua-tiga orang yang mengambil kesempatan kerana nafsu serakah.

Mengenai dengan MARA ini juga sekarang ini kita lihat dalam waktu MARA mula-mula dikumandangkan di udara, di mana-mana pekan sari sama ada pekan sari yang dibuat di zaman Pembangunan Luar Bandar atau pekan sari yang dibina oleh rakyat sebelum adanya Pembangunan Luar Bandar, dituliskan papan-papan kenyataan "Pekan Sari MARA". Tetapi apa yang mendukacitakan pekan-pekan sari MARA ini sekarang ini banyak yang hidup segan mati tak mahu, tidak diambil peduli tentang kemuslihatan rakyat. Tiangnya patah, atapnya bocor, bekalan apinya tidak ada. Pekan sari di tempat saya di Banting adalah satu-satunya pekan sari yang maju tetapi sayang di dalam terang benderang lampu elektrik di keliling pekan sari itu rakyat Bumiputera yang berjualan di situ menggunakan lampu pelita, menggunakan lampu karbite. Mengapakah ini berlaku? Apakah MARA telah melupakan pekan-pekan sari MARA yang dilahirkan oleh MARA untuk memberi satu daya usaha kepada Bumiputera di dalam menambah penghidupannya? Juga saya ingin bertanya kepada pihak MARA mengapakah Maktab rendah sains

MARA di Bukit Changgang yang telah dijanjikan dengan belanja \$9 juta sehingga sekarang ini terbengkalai begitu sahaja? Sedangkan tanahnya telah diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor. Jadi kita berharap dengan bertambahnya kelulusan anak-anak kita di dalam Penilaian 5A, dengan kelulusan yang baik di dalam SRP maka dengan tertumbuhnya satu Maktab Rendah Sains MARA di Kuala Langat khasnya akan dapat menampung anak-anak kita daripada pantai Negeri Sembilan, pantai Selangor dan Selatan Perak. Ini untuk kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara selanjutnya baru-baru ini kita dengar bahawa ada di antara rakyat kita yang menyimpan wang di luar negeri berjuta-juta malahan berpuluh juta untuk mengelakkan cukai pendapatan. Apakah tindakan Kerajaan terhadap mereka yang lari daripada tanggungjawab untuk membayar cukai kepada Kerajaan kita?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Pusat-pusat Dakwah, baru-baru ini dua hari sudah kita terbaca Kerajaan Persekutuan mengambilalih tiga pusat dakwah yang ada di Sabah, ertinya apabila pengambilan itu berlaku pembiayaan ongkos dan segala-galanya akan ditanggung oleh Kerajaan Pusat. Saya mengucapkan syabas di atas kesanggupan Kerajaan Pusat pemimpin kita untuk terus menghidupkan pusat-pusat dakwah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nampak di dalam negara kita ini selain daripada pusat-pusat dakwah yang dibuat oleh Kerajaan ada pusat-pusat dakwah yang dibina oleh rakyat setempat. Mengapakah Kerajaan tidak mengambilalih, atau Kerajaan tidak memberikan pandangan yang khas kepada pusat-pusat dakwah yang dibina oleh rakyat setempat ini supaya kurang-kurangnya mereka dapat menggalakkan dakwah Islamiah ini dengan sebaik-baiknya dari segi

pengawasan pengajaran dan kemuslihatan penduduk-penduduknya daripada kemudahan-kemudahan infrastruktur dan lain-lainnya. Jika sekiranya di sebuah negeri iaitu Kelantan dapat menghidupkan semula sistem pondok cara lama tetapi dibuat secara moden maka saya rasa ada baiknya jika pusat-pusat dakwah yang ada dibina oleh rakyat setempat itu bagi pihak Kerajaan memandang dengan secara lebih terbuka untuk memberikan peruntukan-peruntukan kerana itu adalah bersesuaian dengan kehendak perkembangan Islam hari ini.

Saya merasa bangga dan saya sedang menunggu-nunggu datangnya atau munculnya sebuah buku yang dikatakan Buku Pembangunan Islam Malaysia yang akan dikeluarkan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sehari dua yang lalu.

Saya merasakan dan saya pernah menyebut di dalam Dewan ini bahawa Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri perlu mencipta satu buku yang akan menjadi panduan kepada umat Islam untuk menerima konsep ajaran Islam itu sesuai dengan penghidupan di dalam berbagai bidang. Sepertimana yang ditegaskan di dalam Titah di-Raja yang kita bahaskan sekarang ini bahawa di dalam menerapkan nilai-nilai rohani, nilai-nilai Islam ini untuk menuju kepada sebuah negara (erti Firman: Sebuah negara yang baik dan mendapat keampunan Allah) maka kita perlu mendidik umat kita kepada ajaran Islam yang sebenarnya, ajaran Islam yang membawa penghidupan manusia ini kepada aman, sejahtera, damai. Saya berharap buku pembangunan Islam yang akan terbit ini akan mengandungi kehendak-kehendak itu, tidak akan mengandungi gambar-gambar semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung lagi mengenai dengan siaran agama di RTM. Pernah saya sebutkan, hendaklah siaran agama di RTM ini diper-

baharui persembahan-persembahannya. Jangan setakat ceramah, berceramah, berceramah, berceramah. Orang tidak mahu dengar. Orang mahu tengok cara baru. Kalau sekarang video ini menjadi tontonan orang ramai maka tidak salah jika sekiranya di dalam siaran agama RTM ini dicarikan gambar-gambar melalui video ke ceruk rantau bagaimana gighnya umat Islam membangunkan penghidupannya dari segi pertanian, perniagaan dan sebagainya, maka di situ diselitkan ayat Al-Quran dan Hadis Nabi sebagai bimbingan dan tuntutannya.

Sesuai dengan untuk menghidupkan dan meninggikan nilai-nilai ini Tuan Yang di-Pertua, Allah ta'ala telah memberi satu rahmat-Nya kepada negara kita ini makmur iaitu lautnya berisi minyak selain daripada ikan-ikan; daratannya berisi dengan bijih timah, tembaga, mungkin emas dan hutannya penuh dengan kayu-kayan yang menjadi sumber negara. Kalau kita memikirkan rezeki yang Allah ta'ala beri kepada kita dengan rezeki yang halal ini maka apa sahaja rezeki atau sumber haram hendaklah diberhentikan. Saya sarankan supaya segenap bentuk judi di dalam negara kita ini hendaklah diharamkan. Kerana kita takut, Allah ta'ala peringatkan kepada kita, 'Aku berikan rezeki yang halal, engkau masih makan yang haram'. Nanti yang halal ditarik balik. Jadi, kalau rezeki Allah ta'ala berikan kepada kita rezeki halal maka yang haram itu kita berhentikan.

Siapa sangka di Kuala Langat sekarang ini mempunyai bijih timah yang sebegitu kaya. Dibentuk satu syarikat yang dikatakan KLM (Kuala Langat Mining) yang akan diturunkan empat buah kapal korek yang besar di Asia atau didunia. Tetapi apabila itu nanti menjadi kemewahan maka kedai empat ekor akan menjadi bertambah ramai lagi orang berduyun-duyun ke situ. Jadi, saya gesa, saya minta kepada pucuk pimpinan yang mahu menerapkan nilai-nilai Islam ini supaya

segenap judi apa sahaja bentuknya diharamkan, sesuai dengan meninggikan syiar Islam, penerapan nilai Islam ini, Tuan Yang di-Pertua.

Ya, kerja pada hari Jumaat boleh, tidak kerja pun boleh. Tetapi apa salahnya kalau kita sekarang cuba memikirkan, pucuk pimpinan memikirkan supaya kalau ada negeri yang selama ini cuti minggunya pada hari Jumaat tidak huru-hara, kita jadikan seluruh negara kita ini cuti minggunya pada hari Jumaat. Itu sahaja permintaan saya. Tidak payah diulas panjang-panjang.

Yang kedua belas, Tuan Yang di-Pertua, untuk meninggikan nilai-nilai Islam ini, membesarkan Rasulullah s.a.w. di dalam merayakan hari Maulud Nabi ini bukan dengan diperarakan dengan bunga manggar dan kompong. Maka saya sarankan melalui Dewan ini supaya perarakan Maulud Nabi dengan kompong dan bunga manggar itu diberhentikan sama sekali. Tidak usah kita ceritakan panjang-panjang, kita ambil yang pendek-pendek (Erti Hadis: Sebaik-baik perkataan yang pendek, ringkas dan padat).

Yang ketiga belas, Dasar Pertanian Negara yang telah dilancarkan baru-baru ini. Yang saya hendak sentuh mengenai dengan Dasar Pertanian Negara ini mengenai dengan tanah-tanah pusaka yang terbiar. Tadi Timbalan Menteri Pertanian mengatakan kolam-kolam ikan banyak yang gagal. Yang saya tahu kebanyakan daripada kolam-kolam ikan darat yang gagal ini dibina di tanah-tanah pusaka. Jadi mengapa tanah-tanah pusaka ini menjadi usang begitu, menjadi semak samun, tempat kayu laban, menjadi tempat burung punggok merindukan bulan? Saya syorkan kepada Kerajaan supaya ditubuhkan satu Bank Pembangunan Tanah-tanah Terbiar. Kalau sekarang ini ada Bank Pertanian tetapi tidak menyelesaikan masalah tanah terbiar maka minta Kerajaan buat lagi satu Bank Tanah Terbiar khusus untuk itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya cakap begini kerana saya ini kaum tani. Saya tidak ada mesyuarat, saya berada di bawah pokok kepala sawit, itu kerja saya. Saya tidak berniaga yang lain. Tangan saya ini pun kasar kerana saya selalu pegang cangkul. Jadi, saya tahu bagaimana keadaan tanah yang terbiar. Keadaan tanah yang terbiar ini jangan kita biarkan terus-terusan dan belia-belia yang menganggur, jangan kita teruskan, biar-biarkan begitu sahaja.

Yang keempat belas, Tuan Yang di-Pertua, mengenai bangunan-bangunan Kerajaan yang terbiar. Pernah saya sebutkan dalam Dewan ini. Kalau kita pandang dari Utara sampai ke Selatan banyak bangunan-bangunan yang dibina yang dibangunkan oleh Kerajaan sekarang ini tinggal kosong menjadi gajah putih. Mengapa ini membazir begitu? (Erti Al-Quran: Membazir adalah kawan syaitan). Saya tunjuk contoh yang paling senang, Sepang. Apabila Ibu Pejabat Daerah Sepang berpindah ke Salak Tinggi dengan bangunan baru maka beberapa banyak bangunan Kerajaan yang baru dibina ditinggal kosong begitu sahaja menjadi tempat sarang labah-labah dan anai-anai. Nanti lambat laun bangunan itu akan menjadi tempat pendatang-pendatang haram bersembunyi, menjadi tempat penghisap-penghisap dadah berkhemah, menjadi tempat penggajian-penggajian heroin, menjadi tempat orang yang hendak lari dari tangkapan pencegah maksiah berkhawat di situ.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima belas, Pembangunan Luar Bandar. Sejak pembangunan luar bandar dibuat daripada zaman Buku Merah, zaman Allahyarham Tun Razak tetapi sehingga hari ini masih banyak kampung-kampung yang belum lagi merasai nikmat pembangunan luar bandar terutama daripada projek tiga serangkai, iaitu jalan, api dan air. Saya mendapat maklumat yang pasti daripada Kementerian Kesihatan bahawa sekarang ini ada 465 klinik

desa yang tidak ada bekalan api.

Jadi, kalau klinik desa tempat rakyat kerdil mencari ubat, tempat ibu mengandung anak kecil yang mahu dirawat tidak ada bekalan api, ertinya ubat-ubat di situ sudah basi kerana tidak apa peti sejuk untuk menyimpan ubat. Mengapa ini masih berlaku? Kemelesetan ekonomi negara bukankah baru dua, tiga tahun ini sahaja. Sebelum bukankah kemelesetan ekonomi tidak kita rasai.

Jadi, sepatutnya di dalam pendekatan baru ini di dalam membahaskan Titah di-Raja ini, pembangunan luar bandar ini hendaklah diperhebat semula supaya rakyat jembel di kampung-kampung pendalaman yang belum merasai jalan, belum merasai air paip, apa lagi lampu elektrik, mereka akan dapat merasai supaya generasi baru setelah 27 tahun merdeka ini tidak akan mengatakan di kedai-kedai kopi 'Apa Kerajaan buat selama ini, yang diperbaiki bandar, bandar, bandar.

Kalau begitu kita semua, ayuh lari ke bandar.' Tinggallah kampung kosong. Tinggallah tanah terbiar. Apabila kampung kosong kita pun memekik: Hai pemuda-pemuda, ayuh balik kampung semula. Siapa yang mahu, kalau orang yang bercakap duduk di bandar? Kalau orang yang bercakap duduk di kampung, mungkin: Ayuh kerja sama-sama, mari. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Ayuh, hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah. Baru ada perasaan seganding sebauh. Kalau tidak ini nampaknya nafsi-nafsi. Ungkapan tinggal ungkapan begitu sahaja.

Yang keenam belas, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Yang akhir saya ingat.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Ada empat lima minit, kalau boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak cukup masa, waktu Maghrib.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Kalau begitu yang ke enam belas saya potong. Yang ke tujuh belas. Saya mohon jasa baik Tabung Haji supaya dapat berunding dengan Kerajaan Saudi Arabia supaya rancangan hendak mengadakan sistem Muassassah kepada jemaah haji kita pada tahun ini, kalau boleh jemaah haji Malaysia ini dilonggarkan. Kerana saya katakan begitu sedangkan sistem bebas yang membolehkan jemaah-jemaah kita memilih Sheikh pun kadang-kadang menjadi kelam-kabut, apa lagi kalau sistem Muassasah ini dilaksanakan saya percaya banyak nanti jemaah-jemaah kita yang tua-tua akan menghadapi masalah di sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan lagi kepada Kerajaan perkara yang ke dua puluh supaya menggubal satu undang-undang dan dibentangkan dalam Parlimen ini supaya membolehkan mereka yang menimbulkan pencemaran alam sekitar bau busuk udara dibawa ke mahkamah. Selama ini kita tidak ada undang-undang itu. Kerana ini menjadi masalah yang dihadapi bukan sahaja bau busuk daripada najis binatang, daripada kilang-kilang, daripada pembuangan tahi minyak kilang kelapa sawit menjadi masalah. Macam mana

rakyat mahu sihat fikirannya kalau 24 jam dicitum bau yang busuk.

Yang kedua puluh satu, Tuan yang di-Pertua, saya menyeru Kerajaan supaya belia-belia dalam negara kita ini disatukan di dalam satu pertubuhan. Sekarang ini ada dua tiga pertubuhan nampaknya kelab-kelab belia ini menjadi platform untuk seseorang mencari pengaruh, jadi adakan satu sahaja kelab belia. Betul MBM ada, Kelab Belia Malaysia ada tetapi jangan ada badan-badan lain, ertinya bersatu. Tubuhkan kelab belia tiga kaum jadi satu, kumpulkan di Federal, di peringkat pusat satu jadi tidak akan timbul berantakan. Cukupkah masa itu, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Shaharom bin Maasom: Terima kasih. Saya menyokong sama merafakkan Titah Ucapan Di Raja yang dibentangkan di Dewan ini oleh seorang Ahli Yang Berhormat kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 12hb April, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.